

## BAB V

### MASALAH DAN ISU-ISU PENTING DALAM KEGIATAN DAKWAH TARIQAH AHMAD'IYYAH

#### Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis membahaskan beberapa masalah dan isu-isu penting yang melibatkan kegiatan dakwah kumpulan tariqah Ahmad'iyyah di Negeri Sembilan. Secara umumnya penulis dalam penyelidikan yang dijalankan, mendapati beberapa masalah-masalah penting dan isu-isu yang melanda kumpulan tariqah Ahmad'iyyah. Perbincangan ini akan dimulai dalam sub topik yang pertama iaitu masalah ilmu dan kefahaman. Ia akan diuraikan kepada beberapa sub topik kecil.

Dimulai dengan tajuk murid yang terasa ada amalan dan pelbagai kelebihan, cita-cita keduniaan yang amat tinggi, ketiadaan ilmu atau tidak mahu menuntut ilmu, meninggalkan mencari rezeki dan kasih kepada dunia, terasa kerohanianya menjadi wali, sukakan kemasyhuran, kemuliaan dan keagungan, berpegang dengan mimpi-mimpi, merasa seronok terhadap amalan wirid dan *dhibir*, berpuas hati dengan *al-Wāridat*, mempermainkan arahan Allah, meninggalkan *Khalwat* dan meninggalkan kepentingan sanad/salasilah

Perbincangan dalam bab ini diteruskan dengan perbahasan sub topik utama yang kedua hingga seterusnya iaitu masalah kewangan, masalah pusat *tarbiyyah*, masalah masyarakat, masalah politik dan sosial dan masalah gerakan-gerakan Islam.

Kesemua isu dan masalah yang digariskan ini, penulis dapati, dihadapi oleh syaykh dan pemimpin-pemimpin *tarīqah* Ahmad'iyyah di Negeri Sembilan. Namun begitu mereka menghadapai masalah ini dengan beberapa jalan penyelesaian samada ianya masalah dalam kumpulan tariqah ini atau penglibatan persekitaran secara langsung atau tidak langsung. Ini sudah menjadi tanggungjawab kepada syaykh yang memimpin, untuk memahami keadaan dan masalah yang melanda.

Jika diselidiki secara mendalam, *tarīqah-tarīqah* sufiiyah selain dari *tarīqah* Ahmad'iyyah juga menghadapi masalah yang sama. Sebahagian mereka mendapati perkara ini memang benar. Sebagai satu badan atau kumpulan yang melakukan dakwah dan kegiatan Islam secara sukarela, tentulah masalah-masalah ini akan dihadapi. Namun dengan keupayaan yang terbatas mereka berjaya juga menghadapai semua itu.

## Masalah Ilmu Dan Kefahaman

### 1. Terasa Ada Amalan dan Pelbagai Kelebihan

Maksudnya di sini, dalam *tarīqah* Ahmadīyyah ada di kalangan murid-murid terasa bahawa dirinya telah mempunyai banyak amal soleh yang istimewa. Mereka rasa sudah lengkap melaksanakan ibadat solat, puasa, zakat, *dhikir*, sedekah, derma dan sebagainya. Dalam ilmu *tarīqah*, mereka ini dianggap *sālik* yang selalu menghitung-hitung amalan kebaikannya. Terasa dirinya sudah melaksanakan semua tuntutan Tuhan. Ini diikuti dengan sifat berpuas hati dan berpada-pada dengan amalannya atau dalam erti kata lain redha dengan dirinya. Perasaan seperti ini boleh merosakkan perjalanan kerohaniannya.

Kerohanian seseorang *sālik* akan binasa dengan perkara tersebut. Antaranya merasakan bahawa segala amalan-amalannya sudah sempurna dilakukannya. Sifat ini diakhiri dengan timbulnya rasa '*ujub*' dan bangga dengan amal perbuatannya. Ini termasuk dalam sifat *mazmūmah* yang boleh membawa kepada syirik atau menyengutkan Allah tanpa di sedari (*syirik khāfi*). Oleh itu, *salik* hendaklah cepat-cepat merasakan bahawa amal soleh yang dilakukannya itu hanyalah kurnia daripada Allah semata-mata, hak Allah semata-mata dan dari Allah semata-mata. Allah berfirman :

فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيْدِهِ مُلْكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تَرْجِعُونَ

*Oleh itu akuilah kesucian Allah (MahasuciNya) - Tuhan yang memiliki dan menguasai tiap-tiap sesuatu, dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan.<sup>1</sup>*

Antara kesilapan para pengamal ḥarīqah ialah, mudah terpengaruh dengan cerita-cerita kerohanian seseorang dan amalannya. Mereka yang kurang kefahaman ilmunya, mudah percaya. Sedangkan masalah kerohanian, adalah rahsia murid dengan gurunya sahaja. Kadangkala perasaan mudah terpengaruh ini wujud khususnya kepada mereka yang sudah lama beramal dalam perjalanan ḥarīqah ini. Sedangkan menjadi hak Allah untuk menilai kesempurnaan amalan seseorang itu.

Berbeza dengan sifat seseorang *sālik* yang betul 'aqīdahnya. Semakin banyak amalannya, semakin dirasakan tiada amalannya, semakin takutkan Allah. Sifat inilah yang ada hanya pada orang yang mengetahui atau golongan 'ulamā'. Allah berfirman :

إِنَّمَا يَخْشِيُ اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

*Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu.<sup>2</sup>*

Dengan berusaha menanamkan sifat takutkan Allah, lama kelamaan *salik* itu akan dapat mengikhlaskan dirinya dalam beribadat. Jauh dari segala sifat 'ujub, sum'ah dan

bangga diri. Mereka juga akan dikurniakan oleh Allah *tauhid af'āl* yang sebenar. Segala amalan mereka itu adalah untuk Allah semata-mata. Dengan cara ini mereka dapat melihat keesaan Allah melalui perbuatan dan tingkah lakunya. Di sinilah timbulnya kaedah bahawa tiada daya dan kekuatan melainkan daya dan kekuatan Allah semata-mata.

Murid-murid dalam *tarīqah Ahmadīyyah* atau *sālik* yang sentiasa menghitung amalan kebaikannya, menunjukkan tanda-tanda tidak ikhlas dalam ibadatnya. Orang yang tidak ikhlas dalam ibadatnya adalah mereka yang masih tidak lepas daripada godaan Iblis. Allah berfirman dalam al-Quran

قال فبعث لك لاغوينهم أجمعين إلا عبادك منهم  
المخلصين

Iblis berkata: " Demi kekuasaanmu (wahai Tuhanmu), aku akan menyesatkan mereka semuanya, -" Kecuali hamba-hambaMu di antara zuriat-zuriat Adam itu yang dibersihkan (ikhlas) dari sebarang kederhakaan dan penyelewengan ".<sup>3</sup>

Ibn 'AtāīLlāh al-Sakandarī menyatakan, seseorang *sālik* mesti menjauhkan diri daripada mentadbir atau menyangka-nyangka tindakan Allah, samada ketentuan baik atau buruknya. Sifat bersangka dengan Allah, boleh membawa kepada tidak redha kepada ketentuanNya. Adalah menjadi hak Allah untuk menentukan apa yang berlaku kepada makhluknya dengan ketentuanNya sejak *azāli*. Bagaimana seseorang *sālik* dapat melakukan amalannya dengan ikhlas, sedangkan sifat-sifat *mazmūmah* masih ada dalam

hatinya. ‘Ulamā’ menyatakan, syarat-syarat dan tanda-tanda amalan itu diterima Allah ialah, mestilah seseorang *sālik* itu sentiasa ingat hatinya kepada Allah Ta‘ala semata-mata (غَايَةُ الْحَضُورِ مَعَ اللَّهِ)، dikasihi oleh Allah, membersihkan dirinya dari segala daya dan kekuatan, melainkan kesemuanya datang dari Allah semata-mata (تَبْرِىءُ). Segala ketentuan dan rahmat serta kasih sayang Allah kepada hambaNya dijelaskan dalam firmanNya :

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلَيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مَا يَجْمِعُونَ

*Katakanlah (Wahai Muhammad) kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayangNya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpukkan dari segala benda dan perkara yang tidak kekal).*<sup>4</sup>

Oleh yang demikian, sewajarnya sebagai hamba yang lemah, merasakan bahawa semakin banyak amalan, semakin merasakan tidak ada amalan. Pegangan ini adalah cara yang selamat kepada para *sālik* yang ingin mencapai redha Allah. Begitulah diibaratkan kepada orang ‘alim sentiasa merasakan dirinya tidak ‘alim, seorang ‘abid yang merasakan tiada amalannya, sehingga Allah mengangkat darjat mereka ini di sisiNya.

## 2.Cita-cita Keduniaan Yang Amat Tinggi

Murid-murid dalam tarīqah Ahmadīyyah di larang dari suka berangan-angan panjang dan bercita-cita kedunian yang tinggi. Ianya adalah punca kepada segala kesalahan dan dosa. Mereka dibuai nafsu angan-angannya sendiri dan lena dengan mimpi indah. Setiap saat dalam hidupnya hanya berhajat kepada keduniaan, ingin menjadi begitu, begini, demikian, "kemudian aku akan berbuat demikian", "maka jadilah demikian" dan sebagainya. Murid yang bermain-main dengan khayalan dan fikirannya sentiasa berfikir perkara yang tidak akan tercapai oleh aqalnya. Maka benak fikirannya penuh dengan perkara-perkara dan gambaran-gambaran yang dikhayalkannya. Akhirnya murid tadi tidak dapat mengawal angan-angannya.

Apabila hatinya akan lalai dari mengingati suruhan Allah, lalu meninggalkan amalan kebaikan dan lupa untuk membersihkan hatinya dengan *dhikir*. Maka kaedah membersihkan hati yang lalai daripada mengingati Allah, adalah dengan berdhikir sebagaimana firman Allah :

الذين آمنوا وتطمئن قلوبهم بذكر الله لا بذكر  
الله تطمئن القلوب

"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan *dhikrullah*". Ketahuilah dengan "*dhikrullah*" itu, tenang tenteramlah hati manusia.<sup>5</sup>

Dalam ayat lain, Allah menyifatkan orang yang sentiasa hatinya lalai daripada mengingatiNya, serta mereka yang menyibukkan diri dengan perkara keduniaan, adalah di kalangan mereka yang rugi dalam kehidupannya di dunia dan akhirat. Allah berfirman :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَلِهَّكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا  
أَوْلَادُكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَمَن يَفْعُلْ ذَلِكَ فَإِنَّهُمْ هُمُ  
الْخَاسِرُونَ

*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintahNya). Dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi.<sup>6</sup>*

(القلب بيت الله). Rasulullah menyatakan hati adalah rumah Tuhan.

Maksudnya hati itu adalah tempat yang dipilih dan dibersihkan oleh Allah serta dimuliakan sebagai jalan hubungan antara Allah dengan hambanya. Oleh itu, hati mestilah tidak boleh dimasuki oleh sesuatu yang selain dari Allah. Ini samalah dengan pengertian hati itu dengan *Ka'bah*. *Ka'bah* itu adalah dikatakan sebagai Rumah Allah (الكعبة). Kalau *Ka'bah* itu mesti bersih daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan kesuciannya, maka begitu jugalah hati. Ia mesti bersih daripada sesuatu yang mengotorinya.

Angan-angan dan cita-cita keduniaan adalah perkara yang mudah memenuhi dan mengotori ruang hati serta menggelapkannya. Angan-angan ini boleh menimbulkan berbagai-bagai sifat tercela seperti tamak, hasad dengki, suka kepada kemasyuran,

bermegah-megah dan lain-lainnya. Perlu diketahui, bahawa sebahagian dari angan-angan kedunian itu ialah, angan-angan seseorang *śalik* mengenai akhirat. Tetapi angan-angan itu dicemari dengan pelbagai-bagai kehendak hawa nafsu.

Ada di kalangan murid-murid *ṭarīqah* Ahmadīyyah dan para *śalik* yang terperangkap dengan perkara ini.<sup>7</sup> Mereka tidak sedar kewujudannya dalam diri sendiri. Misalnya, seseorang murid *ṭarīqah* Ahmadīyyah yang bercita-cita untuk melakukan *dhikir* dengan banyak siang dan malam dengan tujuan supaya cepat mendapat kurnia Allah seperti *kasyaf*, *fānā'*, *dhawq*, *jadhbah* dan seumpamanya. Maka cita-citanya itu dinamakan sebagai cita-cita keduniaan yang dibangsakan kepada akhirat, kerana kurnia Allah itu tidak boleh dituntut, ianya adalah hak dan pemberianNya.

Firman Allah :

وَاللَّهُ يَخْتَصُ بِرَحْمَتِهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ  
الْعَظِيمُ

*Padahal Allah berhak menentukan rahmatNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah (jualah Yang) mempunyai limpah kurnia yang amat besar.*<sup>8</sup>

Cita-cita sedemikian sepatutnya tidak menjadi tujuan *śalik* dalam *mujāhadahnya* untuk mendapat keredhaan Allah semata-mata. Begitu juga murid-murid *ṭarīqah* Ahmadīyyah yang meninggalkan pekerjaannya semata-mata ingin menyibukkan dirinya dengan ibadat *dhikir*. Semata-mata supaya matlamatnya kepada Allah cepat sampai atau lekas dikurniakan sesuatu *maqāmat* dan seumpamanya.

Perkara ini sebenarnya telah dibahaskan oleh para ‘ulamā’-‘ulamā’ tasawwuf.

Ibn ‘Ataillāh sendiri telah menyatakan dalam Hikamnya :

ارادتك التجريد مع اقامة الله اياك في الاسباب  
من الشهوة الخفية

*Engkau berkehendakkan kepada tajrīd , padahal Allah meletakkan engkau pada Asbāb dimana kehendak (engkau) itu adalah salah satu daripada syahwat (nafsu) yang tersembunyi.<sup>9</sup>*

Mereka ini juga disifatkan sebagai *isti'jal* . Maksudnya tergopoh gapah atau mengejar sesuatu yang belum tentu haknya. Atau ingin meletakkan kedudukannya pada satu kedudukan yang lain. Padahal mereka ini seharusnya berada dalam kedudukan tersebut. Misalnya seseorang *sālik* yang baru sahaja mendekatkan dirinya pada Allah, mereka bergopoh -gapah ingin meningkatkan kerohanianya, dibandingkan dengan *sālik* sudah *tamkin* dan *istiqāmah* berpegang dengan kurnia dan ketetapan Allah. Kadangkala seseorang *sālik* itu meninggalkan pekerjaan yang sedia ada dengan beranggapan bahawa rezeki itu adalah pemberian Allah dan tidak perlu mencarinya. Ataupun, menyangka dengan berdhikir sahaja mereka itu akan dikurniakan oleh Allah ilmu, lalu mereka meninggalkan tuntutan mencari ilmu dan seumpamanya.

Hal ini merosakkan kerohanian seseorang *sālik*. Sebab itulah dalam amalan tar-iqah Ahmad iyyah para syaykhnya sentiasa memerhatikan perjalanan kerohanian murid-muridnya supaya tidak tercebur dalam masalah tergopoh-gapah ini. Allah berfirman :

وقل رب أدخلني مدخل صدق وأخرجنني مخرج صدق  
وأجعل لي من لدنك سلطاناً نصيراً

*Dan pohonkanlah (wahai Muhammad, dengan berdoa): "Wahai Tuhanmu! Masukkanlah daku ke dalam urusan ugamaku dengan kemasukan yang benar lagi mulia, serta keluarkanlah daku daripadanya dengan cara keluar yang benar lagi mulia; dan berikanlah kepadaku dari sisiMu hujah keterangan serta kekuasaan yang menolongku"<sup>10</sup>*

### 3. Ketiadaan Ilmu/ Tidak Mahu Menuntut Ilmu

Masalah tidak mahu menuntut ilmu di kalangan murid-murid tarīqah Ahmad iyyah memang terjadi. Ianya bukan sahaja melanda pengikut tarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan, malahan di kalangan orang yang tidak mengikut tarīqah juga lebih-lebih lagi. Kepentingan menuntut ilmu itu sering disalah tafsirkan oleh sebahagian besar *sālik* yang kurang mendapat pendidikan agama dalam kehidupannya.

Sayyidī Ahmad bin Idrīs ra. telah menegaskan pentingnya menuntut ilmu di kalangan murid-murid dalam tarīqah Ahmad iyyah ini dengan pesanannya kepada salah seorang muridnya :

وَلَا سَبِيلٌ إِلَى ذَلِكَ السَّبِيلِ إِلَّا بَادْخُولَ مِنْ بَابِ  
الْعِلْمِ الشَّرِعيِّ مِنْ حَدِيثٍ وَتَفْسِيرٍ وَفَقَهٍ عَلَى الْوَجْهِ  
الْكَمْلِ الَّذِي كَانَ عَلَيْهِ السَّلْفُ وَوَرَثَهُ عَنْهُمُ الْخَلْفُ  
وَهِيَ طَرِيقَةُ الْكَمْلِ مِنْ الْبَرْهَانِ وَالْعِيَانِ وَهِيَ  
أَفْضَلُ الطَّرِيقَيْنِ وَأَكْمَلُ الْفَرِيقَيْنِ

*Telah berkata Sayyidi Ahmad kepada muridnya Sayyidi Muhammad bin ‘Ali al-Sanusi. Tidak ada jalan untuk sampai kepada jalan Allah swt. melainkan dengan masuk ke dalam pintu ilmu syara : daripada ḥadith, tafsir, feqah dengan wajah yang sempurna (mendalam) seperti yang telah dilalui oleh salaf al-sāleḥ dan diikuti oleh mereka yang datang selepas mereka. Dan ini merupakan jalan yang sempurna daripada burhān (dalil) dan ‘iyan (maqām musyāhadah), dan jalan ilmu merupakan seafdhāl-afdhāl jalan dan sesempurna di antara kumpulan-kumpulan.*<sup>11</sup>

Menuntut ilmu itu telah ditegaskan oleh Nabi s.a.w.

طلب العلم فريضة على كل مسلم وMuslimah

*Menuntut ilmu adalah satu kewajipan keatas setiap muslim dan muslimah*<sup>12</sup>

Dalam hadith-hadith Nabi s.a.w, selalu menekankan kepentingan ilmu pengetahuan. Allah memberi keutamaan kepada golongan yang berilmu dengan firmanya :

يرفع الله الذين آمنوا منكم والذين أوتوا  
العلم درجات والله بما تعلمون خبير

*Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.*<sup>13</sup>

Di kalangan murid yang baru menceburি tarīqah Ahmadīyyah ini akan merasa keliru, dengan beberapa perkara yang ditimbulkan oleh mereka yang jahil. Kesilapan memahami ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi s.a.w. membawa kekaburān dalam amalan mereka. Mereka ini akhirnya mengambil jalan singkat dengan mengatakan Allah akan memberikan mereka ini *iḥlām*, *lādūni*, *kasyaf* dan rezeki tanpa perlu berusaha. Sikap murid-murid beginilah kadangkala diambil kesempatan oleh mereka yang tidak senang dengan perjalanan ilmu taṣawwuf untuk mengecam para pimpinan atau syaykh-syaykh tarīqah.

Allah menerangkan dalam ayat-ayatnya :

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيَعْلَمُكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

*Oleh itu hendaklah kamu bertaqwā kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.<sup>14</sup>*

Ayat ini bermaksud bahawa orang-orang yang bertaqwā kepada Allah itu mestilah dengan dua landasannya iaitu *syari'atnya* dan *tarīqah* nya atau jalan-jalan yang ditunjukkan oleh para Nabi s.a.w dan *salaf-al-saleh*. Mereka ini mengerjakan amalan yang disuruh dan meninggalkan larangan Allah Ta'ala dengan bersungguh-sungguh. Dan kemudiannya mereka ini akan dikurnia... oleh Allah dengan pelbagai ilmu dan limpahan rahmatnya iaitu hakikat dan *ma'rifatnya*. Sebagaimana dengan janji Allah :

وَالَّذِينَ جَاءُهُمْ فِي نَهَايَةِ أَجَلٍ سَبِيلًا وَإِنَّ اللَّهَ  
لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

*Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak ugama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.<sup>15</sup>*

Apabila disebut dengan jalan-jalan *syari'at* dan beramal dengan bersungguh-sungguh mestilah dengan ilmu yang dipelajari. Bagaimana seseorang itu boleh beramal tanpa ilmu. Dan adakah mereka yang berilmu dalam amalannya itu sama dengan orang yang tidak beramal dengan ilmu. Di sini Allah Ta‘ala menegaskan lagi dalam al-Qurān :

قُلْ هُلْ يَسْتَوِيُ الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ  
إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

"Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.<sup>16</sup>

Nabi s.a.w. menerangkan lagi dalam ḥadithnya :

وَوَفْقَهُ فِيمَا يَعْمَلُ  
مَنْ عَمِلَ بِمَا عَلِمَ وَرَثَهُ اللَّهُ عَلِمَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

Sesiapa yang beramal dengan apa yang diketahuinya maka Allah akan mewarikhan (kurniakan) kepadanya apa yang tidak diketahuinya dan memberi taufiq kepadanya dalam amalannya.<sup>17</sup>

Hadith ini menerangkan bahawa mereka yang benar-benar mengamalkan ilmu sepenuhnya dalam ibadat, maka Allah akan kurniakan baginya dengan pelbagai ilmu yang dia sendiri tidak ketahui. Menerusi *taufiq* dan hidayah Allah, Allah akan mengatur dan menjaga hambanya yang bertaqwa. Inilah yang dikatakan sebagai *ilham* atau *laduni*. Apa yang boleh difahami ialah, seseorang *sālik* itu akan dikurniakan ilmu tersebut (*ilmu ladūniyyah*) menerusi ketaqwaan.

Sifat-sifat taqwa itu hanya ada pada golongan yang *al-muhsinīn*, *al-muqarrabīn* atau *Uhl̄ al-Bab*. Golongan inilah yang terdapat ciri-ciri ketaqwaan seperti yang disebutkan oleh Allah dalam firmanNya:

أَفْمَنْ يَعْلَمُ إِنَّمَا أَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ مِّنْ رَبِّكُمُ الْحَقُّ كَمَنْ  
هُوَ أَعْمَى إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ (١٩) الَّذِينَ  
يَوْفَوْنَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَلَا يَنْقُضُونَ الْمِيثَاقَ (٢٠)  
وَالَّذِينَ يَصْلُوْنَ مَا أَمْرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يَوْصِلَ وَيَخْشُونَ  
رَبَّهِمْ وَيَخْافُونَ سُوءَ الْحِسَابِ (٢١) وَالَّذِينَ صَبَرُوا  
إِبْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مَا  
رَزَقَنَا هُمْ سَرَا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرُءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ  
أَوْلَئِكَ لَهُمْ عَبْرَى الدَّارِ (٢٢) جَنَّاتٌ عِنْدَ  
يَدِهِنَّهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ أَبْنَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ  
وَذُرِّيَّاتِهِمْ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِّنْ كُلِّ بَابٍ  
(٢٣) سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنَعَمْ عَبْرَى الدَّارِ

Maka adakah orang yang mengetahui bahawa Al-Qurān yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu (wahai Muhammad) perkara yang benar, sama dengan orang yang buta matahatinya? Sesungguhnya orang-orang yang mahu memikirkan hal itu hanyalah orang-orang yang berakal sempurna. Orang-orang yang menyempurnakan perjanjian Allah dan tidak merombak (mencabuli) perjanjian yang telah diperteguhkan itu; -Dan orang-orang yang menghubungkan perkara-perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan, dan yang menaruh bimbang

*akan kemurkaan Tuhan mereka, serta takut kepada kesukaran yang akan dihadapi semasa soaljawab dan hitungan amal (pada hari kiamat); -Dan orang-orang yang sabar kerana mengharapkan keredaan Tuhan mereka semata-mata, dan mendirikan sembahyang, serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka; dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik; mereka itu semuanya adalah disediakan baginya balasan yang sebaik-baiknya pada hari akhirat; -Iaitu Syurga yang kekal yang mereka akan memasukinya bersama-sama orang-orang yang mengerjakan amal soleh dari ibu bapa mereka dan isteri-isteri mereka serta anak-anak mereka; sedang malaikat-malaikat pula akan masuk kepada mereka dari tiap-tiap pintu; -(Memberi hormat dengan berkata): "Selamat sejahtera lah kamu berpanjangan, disebabkan kesabaran kamu. Maka amatlah baiknya balasan amal kamu di dunia dahulu.<sup>18</sup>*

Daripada firman Allah ini, dapatlah kita nyatakan ciri-ciri ketaqwaan ialah orang-orang yang berdhikir, golongan yang menetapkan hatinya kepada Allah semata-mata, berpegang teguh dengan janji Allah, menghubungkan tali persaudaraan, takutkan Allah, takutkan soal jawab dan hitungan amal di hari akhirat, bersabar kerana mengharapkan redha Allah, mendirikan solat, membelanjakan harta dengan ikhlas dan membalaik kejahatan dengan kebaikan.

Antara ciri taqwa ialah mengikuti suruhan Allah dan meninggalkan larangannya dengan bersungguh-sungguh. Jika kita teliti, ilmu yang dikurniakan oleh Allah kepada seseorang itu hanyalah dengan ketaqwaan dan *mujāhadah*. Maka dari segi *syari'atnya*, seseorang *salik* itu menuntut ilmu dan bersungguh-sungguh dengan amalannya semata-mata untuk mendapatkan redha Allah. Ia *bermulazamah* dengan syaykhnya dalam *ta'lim* dan *tarbiyyahnya*. Hasil daripada ini, *sālik* tadi akan menerima segala kurnia dan rahmat dari Allah dengan kurniaan *ladūniyyah* dan *ilhām*. *Ladūniyyah* dan *ilhām* itu adalah

kefahaman dan pengetahuan yang boleh meningkatkan ibadat dan amalannya. Maka, tidak timbulah dakwaan ilmu ḥaqqah dan tasawwuf tidak mementingkan ilmu. Kerana menurut pandangan ilmu taṣawwuf, dengan ilmulah seseorang murid atau *sālik* itu mencapai *lādūniyyah* atau ilham.

#### 4. Meninggalkan Mencari Rezeki Dan Kasih kepada Dunia

Allah Ta'ala berfirman :

وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلُ لَهُ مَخْرَجًا وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

*...dan sesiapa yang bertaqwah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya...<sup>19</sup>*

Ayat ini menerangkan mereka yang bertaqwah kepada Allah akan dikurniakan dengan pelbagai rezeki dengan jalan yang amat luas. Allah memberi jalan penyelesaian atau jalan keluar dengan pelbagai masalah yang dihadapi dengan mengurniakan rezeki dari punca yang pelbagai. Di sini rezeki itu adalah merangkumi kurniaan yang nyata seperti harta kekayaan, sumber pendapatan dan juga yang tidak nyata seperti ilmu, *ma'rifah* dan sebagainya.

Apa yang berlaku dalam perjalanan ḥarīqah Ahmad īyyah ialah sebilangan kecil pengikutnya beranggapan bahawa memadai sahaja melakukan amalan dalam ḥarīqah Ahmad īyyah ini mereka akan dikurniakan rezeki terus daripada Allah. Perkara ini adalah salah dalam kefahaman ilmu ḥarīqah. Para syaykh ḥarīqah Ahmad īyyah tidak pernah menggalakkan murid-muridnya hanya berdhikir semata-mata. Mereka juga dikehendaki mencari rezeki untuk menyara keperluan sekeluarga. Walaupun dalam al-Qurān ada isyarat-isyarat yang zāhir bahawa Allah akan mengurniakan rezeki yang luas, tetapi *mafhūm* ayat tersebut adalah sebaliknya.

Dalam ayat yang lain, Allah menjelaskan lagi sebagai khabar berita gembira kepada orang - orang yang bertaqwā kepada Allah dengan jalan rezeki yang tidak disangka-sangka. Allah berfirman :

لِيَجْزِيهِمُ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا وَيُزِيدُهُمْ مِنْ فَضْلٍ  
وَاللَّهُ يَرْزُقُ مَنْ يَشاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

(Mereka mengerjakan semuanya itu) supaya Allah membalaas mereka dengan sebaik-baik balasan bagi apa yang mereka kerjakan, dan menambahi mereka lagi dari limpah kurniaNya; dan sememangnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak terhitung.<sup>20</sup>

Allah menyatakan sumber rezeki itu tidak terkira datangnya sebagai balasan orang-orang yang bertaqwā yang berbuat kebaikan dan meninggalkan larangan Allah. Mereka ini ditambahi rezeki oleh Allah dengan jalan yang tidak terkira dan tidak

disangka-sangka. Nyatalah di sini maka *sālik* itu dituntut mencari rezeki dan Allah akan menggandakan lagi hasil usaha mereka. Jelaslah bahawa jalan bertaqwa dan melakukan perintah Allah serta mencari kebajikan dan rezeki itu adalah satu tuntutan *syarī'at*. Di samping melakukan ibadat ahli-ahli *tarīqah* Ahmad'iyyah juga perlu mencari rezeki. Dari sinilah datangnya konsep rezeki yang amat luas. Bukan sebaliknya hanya mengharapkan rezeki datang sendiri kepada mereka dengan jalan yang tidak disangka-sangka.

Bagaimanapun di kalangan hamba-hamba Allah yang beroleh kurnia dan rahmat tanpa berusaha seperti Siti Maryam yang dikurniakan Allah, buah-buahan diluar musim. Ini adalah sebahagian daripada tanda-tanda kenabian (*ma 'unah*) di mana itu Siti Maryam sedang mengandungkan anaknya Nabi 'Isā a.s. Peristiwa umat Nabi Mūsā yang dihidangkan makanan terus dari langit setelah Nabi Musa meminta doa kepada Allah. Kebiasaan golongan yang dikurniakan oleh Allah dengan *al-ma 'īnah* dan *al-mu 'jizat* adalah di kalangan para Anbia' dan mursalin serta mereka yang ditentukan oleh Allah. Umumnya tuntutan mencari rezeki itu sudah dijelaskan oleh Allah antaranya dalam Surah al-Jumuah ayat 10:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا  
مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَادْعُوْا إِلَهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ

*Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*<sup>21</sup>

Allah menegaskan lagi dalam ayatnya yang lain :

قد أفلح من تزكي وذكر اسم ربه فصلى

*Sesungguhnya berjayaalah orang yang - setelah menerima peringatan itu - berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh), Dan menyebut-nyebut dengan lidah dan hatinya akan nama TuhanYa serta mengerjakan sembahyang (dengan khusyu').<sup>22</sup>*

Sa'idinā 'Umar r.a. pernah berkata :

لَا يَقْعُدُ أَحَدُكُمْ عَنْ طَلَبِ الرِّزْقِ وَيَقُولُ اللَّهُمَّ  
أَرْزُقْنِي فَقْدَ عَلِمْتَ أَنَّ السَّمَاءَ لَا تَمْطِرُ ذَهَابًا وَلَا  
فَضْلًا

*Janganlah sesiapa di kalangan kamu mengharapkan rezeki ( tanpa berusaha ) semata-mata dengan berkata "Ya Allah Ya Tuhan kami, berikanlah kepada kami rezeki," sedangkan kamu mengetahui bahawa langit itu tidak akan menurunkan hujan emas atau perak.<sup>23</sup>*

Sikap suka kepada keduniaan dan loba kepada cita-cita untuk mencapai sesuatu keinginan dunia juga masalah lain. Ada murid-murid tarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan tidak dapat membezakan keinginan yang dibenarkan oleh Islam. Dalam masalah mencari rezeki misalnya. Bolehkah mencari kekayaan dengan sebanyak-banyaknya ? Adakah nanti dikatakan sebagai tamakkan harta dunia ? Atau adakah perlu diam sahaja sebagai menandakan berpuashati dengan tuntutan duniawi dan merasakan itulah konsep *zuhud* ?

Atau berserah diri semata-mata kepada ketentuan Allah Ta'ala ? Hal ini telah dibahaskan dengan panjang lebih oleh Syaykh 'Abd Samad al-Palembāngi dalam kitabnya. Beliau membawakan pandangan Imām al-Ghazālī sebagaimana katanya :

وترك الكسب أفضل لأربعة عابد مشتغل بالعبادات البدنية أو رجل له سير با لباطن وعمل بالقلب فى علوم الأحوال والمكاففات أو عالم مشتغل بتربية علم الظاهر مما ينتفع الناس به فى دينهم كالمفتي والمفسر والمحدث وأمثالهم أو رجل مشتغل بمصالح المسلمين وقد تكفل بأمورهم كالسلطان والقاضى والشاد

*Empat golongan yang dibenarkan meninggalkan usaha untuk mencari rezeki : pertama seorang 'Abid yang sibuk dengan melakukan ibadat-ibadat badaniyyah (seperti solat sunat, puasa sunat, mengerjakan haji, berjihad dalam perang dan sebagainya) kedua seorang lelaki yang menjalani ibadat-ibadat batin dan amal yang di dalam hati dan ia senantiasa sibuk dengan amalan (tariqah) dan ilmu (mukasyafah/hakikat) dan dinamakan orang itu sufi, ketiga seorang lelaki yang sibuk mengajarkan orang ramai beberapa ilmu yang dapat memberi manfaat kepada seluruh manusia dalam melakukan amalan agamanaya seperti Mufti, Mufassir, Muhadithin dan sebagainya dan lelaki yang sibuk dengan urusan-urusan kebajikan umat Islam diberikan tanggungjawab keatas mereka seperti Sultan, Qādhi para pejuang Islam (syuhadā')...<sup>24</sup>*

##### 5.Terasa Kerohaniannya Menjadi Wali

Dalam perjalanan tariqah Ahmad iyyah perkara ini telah menjadi perhatian para syaykhnya. Antara buktinya, Syaykh Ahmad Hj Muhammad Sa'īd telah mengarang dua buah kitab untuk memberi kefahaman kepada murid-muridnya. Kitab-kitab tersebut ialah

*Raf‘ al-Khaḍr ‘An ‘Amr al-Awliyā’ wa Sayyidāhum al-Khiḍr dan Ittiḥaf Zawī al-Raghabāt Bi bayān Karāmat al-Awliyā’ fī al-Hayāt Wa Ba‘da al-Mamāt.*

*Di antara* kekeliruan yang selalu terjadi kepada kebanyakkan pengikut tarīqah ialah menyangka bahawa mereka mudah mencapai darjat *wali Allah*. Mereka ini tertipu dengan pelbagai permainan nafsu sendiri dan bisikan syaitan.<sup>25</sup> Terkadang mereka ini menyangka bahawa Allah telah mengurniakan *karāmah* dan keistimewaan kepada mereka. Ataupun ada orang yang melihat kekeramatan yang terzahir kepada dirinya. Sedangkan apa yang berlaku itu hanyalah sebagai satu ujian kepada mereka sahaja. Malahan lebih malang lagi, mereka ini sebenarnya melakukan *istidrāj* atau sihir.

Dalam perjalanan golongan Ahmadiyyah di Negeri Sembilan ini, persoalan berhubung dengan wali-wali Allah ini telah dijawab oleh pemimpinnya iaitu Hj Ahmad Muhammad Saīd.<sup>26</sup> Antara keterangan yang dikemukakan ialah *ta’rif wali*, kewujudan mereka masa kini, kekeramatan mereka sesudah wafat, hukum *bertawassul* kepada mereka sama ada hidup atau mati dan hukum bernazar di kuburan mereka. Dengan penegasan dan penerangan yang cukup berharga ini maka adalah dipercayai dapat membantu mengatasi kekeliruan mereka tadi. Juga dapat mengelakkan *sālik* atau murid-murid yang bercita-cita untuk menjadi wali Allah. Ini kerana *awliā’* Allah itu adalah pilihan Allah, bukan kehendak manusia. Bahkan *awliā’* Allah itu sebenarnya wujud sebagaimana dinyatakan oleh Syaykh Ahmad lagi :

*Hai saudaraku apabila sampai akan dikau daripada mereka-mereka yang ‘arif oleh satu-satu karamah maka janganlah mengingkari olehmu akannya hal keadaan hidup ia ataupun telah diwafat akannya*<sup>27</sup>

Para ‘ulamā’ tasawwuf menghuraikan dengan panjang lebar berhubung dengan kekeramat para *awliyā’* Allah ini. Para *awliyā’* Allah ini adalah mereka yang ‘*arif* dengan Allah Ta‘ala dan dengan sifat-sifatNya. Melakukan ketaatan yang tidak berbelah bagi dan menjauhi segala maksiat dan larangannya serta mempunyai *himmah* yang tinggi. Adapun *karāmah* yang terzahir daripada *awliyā’* Allah, adalah perkara yang mencarik adat, bukanlah *nubuwah* seperti *mu’jizat* yang berlaku atas Nabi dan Rasul. Bagaimanapun para *Awliyā’* ini *i’tiqād*, pegangan, amal soleh, keazaman dan *iltizam* mereka itu seperti Nabi s.a.w.<sup>28</sup> Manakala *istidraj* itu adalah satu kebolehan dan keistimewaan yang dikurniakan oleh Allah Ta‘ala sebagai ujian kepada golongan yang *fasiq* untuk menambahkan *kefasiqan* mereka. Sepertimana berlaku kepada Musailarmah al-Kazzab yang mendustakan masyarakat supaya mempercayainya sebagai seorang Nabi dengan mendakwa keistimewaan yang ada pada Nabi s.a.w juga ada padanya.

Para ‘ulamā’ membahaskan bahawa *karāmah awliyā’* ini adalah salah satu daripada kemulian Allah yang diberikan kepada hambaNya yang soleh. Para *awliyā’*Nya disifatkan sebagai golongan yang sangat hampir denganNya serta diberikan keutamaan kepada mereka. Ianya bukanlah dengan *kudrat* mereka dan bukan dengan kehendak mereka tetapi di dalam lingkungan ilmu dan pengetahuan Allah semata-mata dan hikmahnya hanya Allah yang mengetahui.

Apabila ‘*karāmah*’ itu berlaku kepada orang-orang yang engkar, kafir, orang-orang musyrikin atau sepertinya, maka berlakulah salah satu daripada tiga perkara berikut iaitu sihir, sihir syaitan dan *istidrāj*. Menurut Prof. Muhammad Zaki Ibrahim dalam kitabnya *Usūl al-Wusūl* menyatakan antara ciri-cirik sihir ialah seperti yang dikhayal-khayalkan oleh tukang-tukang sihir Firaun :

..يَخِيلُ إِلَيْهِ مِنْ سُحْرِهِ أَنَّهَا تَسْعَىٰ ..

...mereka terbayang-bayang kepadanya seolah-olah benda-benda berjalan, disebabkan sihir mereka.<sup>29</sup>

Jenis ini di namakan sihir sepetimana firman Allah :

سَحَرُوا أَعْيُنَ النَّاسِ وَاسْتَرْهَبُوهُمْ .. . . .

mereka menyilap mata orang ramai dan menjadikan orang-orang itu merasa gerun...<sup>30</sup>

Ciri-ciri sihir ialah tidak menukar sesuatu pun daripada hakikat benda itu jika dibandingkan dengan *karāmah*. Tetapi kesan sihir nyata kepada mata seolah-olah benar-benar berlaku dengan jalan ilmu silap mata itu tadi. Ini juga adalah dianggap melakukan sihir. Ciri sihir yang kedua ialah sihir daripada syaitan. Ini biasanya berlaku dengan bantuan syaitan, jin dan sebagainya. Ia dinamakan sihir *hakīkī* dan menjadi salah satu daripada dosa-dosa besar dalam Islam. Firman Allah :

وَأَنَّهُ كَانَ رَجُالٌ مِّنَ الْإِنْسَانِ يَعْوَذُونَ بِرَجُالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رُهْقًا

*Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat.<sup>31</sup>*

Beginilah perbezaan antara *karāmah*, sihir, dan sebagainya. Para syaykh tarīqah Ahmad iyyah telah menerangkan dengan panjang lebar dalam kitab-kitab yang dikarangnya khusus, untuk memberi peringatan kepada murid-muridnya.

#### 6. Sukakan Kemahsyuran, Kemuliaan dan Keagungan

Apabila seseorang murid dalam tarīqah Ahmad iyyah itu mempunyai sifat-sifat suka keagungan, kemuliaan dan kemahsyuran, maka itu juga adalah di antara tandatanda kebinasaannya sebagai seseorang yang sedang bermujāhadah dalam menuju kepada Allah Ta'ala. Jika perasaan ikhlas dalam melakukan ibadat itu tiada dalam siri seseorang maka nescaya ibadatnya itu menjurus kepada unsur-unsur *ria'*, *takabbur* atau suka dipandang oleh manusia lain. Masalah ini telah diterangkan oleh pemimpin tarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan iaitu Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa'īd dengan katanya :

*...dan lagi beramal itu semata-mata ikhlas bagi Allah Ta 'ala bukan kerana sesiapa dan bukannya kerana apa dan bukannya kerana mencari satu maqām atau satu keadaan yang membesarakan pandangan makhluk Allah Ta 'ala...<sup>32</sup>*

Sebagai seorang syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan, beliau memerhatikan keadaan yang berlaku di kalangan murid-muridnya dan *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah khususnya di Negeri Sembilan. Antara masalah yang terjadi ialah ada di kalangan mereka yang beramal kerana inginkan kedudukan supaya dipandang tinggi oleh *ikhwān* yang lain. Mereka menafikan kebolehan dan keilmuan yang ada sesama mereka. Contohnya Syaykh Ahmad sendiri, ketika memimpin ḥarīqah Ahmadīyyah, menghadapi cabaran daripada *ikhwān* yang lain yang menyatakan bahawa beliau tidak layak untuk memimpin.

Ini adalah disebabkan oleh perasaan irihati dan cemburu. Perasaan ini timbul adalah disebabkan kekurangan ilmu dan menyangka bahawa amalan-amalan seperti *dhikir* yang mereka lakukan sudah cukup untuk menaikkan martabat mereka di sisi Allah. Syaykh Ahmad dalam menangi masalah ini menyatakan kekesalan beliau dengan katanya:

*...maka adalah tuan dan jama'ah tuan dinasihatkan supaya mengambil berat dengan pengetahuan agama mengikut sebagaimana yang diwajibkan dan beramal dan berdhikir akan Allah dengan cara yang bersih dan sunyi daripada riya' dan sum'ah...<sup>33</sup>*

Syaykh Ahmad juga mengingatkan *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan supaya sentiasa mementingkan amalan-amalan yang berlandaskan ilmu. Beliau juga berpendapat bahawa sifat-sifat ini juga boleh membawa kepada perpecahan dan berpuak-puak dalam jamaah. Keinginan untuk dipandang mulia dan sukakan

kemahsyuran adalah sifat bagi Allah semata-mata. *Sālik* yang tidak menghinakan dirinya di hadapan Allah Ta'ala tidak akan sampai ke darjat *sōlihīn*. Ini adalah kerana mereka menyibukkan diri mereka supaya diagungkan, dimuliakan dan dimahsyurkan oleh manusia dengan amalan-amalan mereka, bukan dengan Allah s.w.t.

Maka jadilah ia hamba kepada manusia bukannya sebagai hamba Allah. Syaykh Ahmad menegaskan lagi di kalangan *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan yang beramal semata-mata menuntut keagungan dan kemuliaan dengan katanya :

*...maka apakah satu bukti yang menunjukkan kepadanya oleh kabul dan berkat dhikir yang tuan dan jamaah tuan supaya boleh diisythar dan diagong-agongkan akannya ...<sup>34</sup>*

Beliau mengakhiri dengan nasihat dan harapan kepada seluruh *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan sepayang menjauhi diri daripada sifat-sifat yang tersebut dan membetulkan ibadat dan amalan mereka. Beliau juga menggalakkan *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah supaya sentiasa menghadiri majlis-majlis *dhikir* kerana di dalamnya juga ada nasihat-nasihat yang berguna. Beliau mengatakan :

*...dan adalah mereka itu mengadakan padanya akan majlis dhikir maka dengan berhimpun pada tempat-tempat yang diperbuat padanya akan haul-haul itu maka sudah sepatut bahawa diberi kepada mereka itu akan apa-apa satu nasihat atau syarahan berkenaan dengan kedudukan ibadat atau dhikir atau ilmu akhirat atau ilmu Ṭariq supaya adalah yang demikian itu sebagai satu panduan atau pengajaran bagi mereka itu.<sup>35</sup>*

## 7. Berpegang Dengan Mimpi-Mimpi

Sifat hati yang sangat tertarik dengan mimpi-mimpi yang dialami adalah membahayakan perjalanan seseorang ahli ḥarīqah. Kesannya jauh lebih mendalam jika mimpi-mimpi yang dialami dijadikan pegangan dan panduan tanpa mengetahui apakah tafsiran yang sebenarnya. Sememangnya masalah mimpi ini satu perkara yang menjadikan seseorang itu merasa seronok jika mengalami mimpi yang baik dan merasa runsing jika mimpinya itu pada sangkaannya adalah buruk.

Berhubung perkara ini para pemimpin dalam ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan, mengingatkan kepada sekelian muridnya supaya menjadikan syaykhnya sebagai rujukan. Peringatan ini jelas dalam beberapa kitab karangan mereka. Beberapa amalan-amalan dalam ḥarīqah Ahmadīyyah itu dikatakan memberi kesan kepada murid-murid yang beramal dengan jujur dan ikhlas. Mereka ini berkemungkinan akan beroleh natijah atau apa-apa isyarat samada dalam mimpi atau seumpamanya. Contohnya dalam amalan *Al-Fidyatun Nubuwah* yang dibaca sebanyak tujuh puluh ribu kali itu akan memberi kesan. Ini disebut dalam kitab *Risālah al-Qawāid wa Risālah al-Asās*:

*...orang yang membaca al-Fidyatun Nubuwah pasti akan mendapat isyarat dalam mimpinya. bentuk mimpinya bergantung kepada ketulusan azamnya. Ia hendaklah menceritakan mimpinya kepada guru ḥarīqah nya. Kerana guru itu akan memberi arahan-arahan berhubung dengan amalan yang sedang dikerjakan itu...<sup>36</sup>*

Oleh yang demikian, *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan telah diberikan panduan yang sepatutnya, apabila mereka mengalami mimpi-mimpi semasa melakukan amalan-amalan *dhikir* dan *awrād-awrād* dalam ḥarīqah Ahmadīyyah ini. Bagaimanapun kebanyakkan guru-guru ḥarīqah-ḥarīqah ṣufiyyah mengisyaratkan kepada murid-muridnya tidak menceritakan mimpi-mimpi atau pun pengalaman kerohanian mereka selain dari syaykh.

Larangan ini untuk mengelakkan murid-murid tersebut dari menyangka dengan pelbagai sangkaan berhubung dengan *natiyah-natiyah* yang diperolehi semasa melakukan amalan dalam peningkatan kerohanianya kepada Allah. Mungkin juga berlaku, seseorang murid itu diberi oleh Allah Ta‘ala kurnia *kasyaf* atau ditunjukkan oleh Allah rahsia-rahsia tentang alam kerohanian. Maka orang yang boleh mentasihahkan kebenaran rahsia-rahsia tersebut adalah guru kerohanianya sahaja. Kerana dikhuatiri murid tadi tertipu dengan rahsia-rahsia yang sengaja dicipta oleh Iblis sebagai tipu dayanya kepada anak Adam.

Berhubung masalah *kasyaf* dan mimpi ini, para ‘ulamā’ dalam ḥarīqah Ahmadīyyah dan ‘ulamā’-‘ulamā’ taṣawwuf menyatakan bahawa *kasyaf* itu ada dua bahagian. Pertama, *kasyaf suwāri* iaitu terbukanya *hijāb* yang menutupi matahati seseorang itu sehingga dia dapat mengetahui perkara yang tersembunyi. Melihat dan mendengar sesuatu yang tidak dicapai oleh pancaindera biasa seperti menyelami alam kerohanian dan

seumpamanya. *Kasyaf* seperti ini tidak dikehendaki di dalam ilmu taṣawwuf kerana menurut ‘ulamā’nya, dikhuatiri murid tadi masih belum teguh hatinya dengan penyaksian batinnya kepada Allah. Dan tidak berakhlak dengan akhlak Allah Ta‘ala adalah merupakan satu fitnah dan bala yang besar bakal menimpanya.

Murid tadi akan lalai dan bermegah-megah dengan *kasyaf suwāri* ini, serta menganggap dirinya istimewa dengan kurnia tersebut yang tiada pada orang lain. Sehingga akhirnya akan membawa kepada sifat menafikan kekuasaan Allah dan menganggap ianya adalah hasil *mujāhadahnya*. Sebab itulah Syaykh Ibn ‘Ataillāh menyatakan

*Keinginan anda untuk melihat kepada keajaiban-keajaiban yang tersembunyi dalam diri anda adalah lebih baik dari keinginan anda untuk melihat kepada perkara-perkara yang ghaib yang dihijabkan dari diri anda.*<sup>37</sup>

Bahagian yang kedua pula ialah *kasyaf ma’nawi* iaitu terbukanya *hijāb* yang menutupi matahati seseorang itu sehingga ia dapat melihat rahsia-rahsia keagungan Allah dengan matahatinya itu. *Kasyaf* seperti inilah yang dikatakan sebagai berlandaskan daripada al-Qurān dan Sunnah. *Kasyaf* sebenarnya adalah pemberian dan kurnia Allah kepada hambanya yang bersungguh-sungguh dalam perjalannya untuk mendapat redha Allah. maka secara tidak langsung ia mempunyai hubungan dengan *al-riādah* atau *al-mujāhadah*.<sup>38</sup> Sebab itu Syaykh Abū ‘Uthmān al-Mirghāni menegaskan dengan katanya :

*sesiapa yang menyangka bahawa tarīqah ini akan dikurniakan kepada dirinya atau dikasyafkan untuk dirinya sebahagian daripadanya tanpa mengekalkan mujahadah maka ia adalah salah.*<sup>39</sup>

*Salik* atau murid yang berpegang kepada mimpi-mimpi dan juga *kasyaf suwāri* tadi, akhirnya akan menjadikan *natījah* kedua-dua perkara ini sebagai dalil untuk menghukum sesuatu perkara. Contohnya, seseorang murid itu bermimpi seolah-olah dibukakan rahsia kecacatan sahabatnya dan keburukannya. Lalu murid tadi tidak melaporkan kepada syaykhnya. Beliau mula mentafsir-tafsir mimpi tadi sehingga akhirnya jadi buruk sangka kepada sahabatnya tadi. Lama kelamaan beliau akan menjauhkan diri serta mula memutuskan hubungan *silaturrahīm*. Pada hal, mungkin maksud mimpi itu tadi adalah berlawanan dengan apa yang disangkanya. Syaykh Ibn ‘Ataillah menerangkan lagi maksud *kasyaf* ini dengan katanya :

*...Sesiapa yang dapat melihat rahsia-rahsia hamba dan dia tidak berakhhlak dengan sifat rahmat Ilāhiyyah, maka penglihatannya itu menjadi fitnah keatasnya dan sebagai sebab bagi menarik bala kepadanya...*<sup>40</sup>

#### 8. Merasa Seronok Terhadap Amalan Wirid dan *Dhikir*

*Salik* atau murid-murid dalam ilmu tarīqah menyangka bahawa tentulah sesuatu yang amat baik apabila seseorang murid yang merasa seronok dengan amalannya. Pada sangkaan mereka, Allah telah mengurniakan *dhawqiyyah* dan kelazatan dalam melakukan ibadat. Bagaimanapun yang dimaksudkan di sini ialah masalah di kalangan *ikhwān* yang

melakukan amalan-amalan dalam *tarīqah* Ahmadīyyah itu hanya kerana berseronok tanpa mengetahui bahawa ia telah menjadi satu kesalahan dalam kaedah ilmu tasawwuf.

Mengikut Ust. Mohammad Fūad, ada di kalangan *ikhwān* *tarīqah* Ahmadīyyah yang mengikuti majlis *dhikir* semata-mata untuk mencari seronok tanpa memikirkan *adabīyyah* yang perlu dijaga dalam majlis *dhikir*. Perkara ini selalunya terjadi semasa majlis *haul*.<sup>41</sup>

Oleh kerana majlis *dhikir* dalam *tarīqah* Ahmadīyyah selalunya *dhikir jāli* (yang kuat), ada di kalangan *ikhwān* sengaja menjerit dan menempik-nempik kalimah-kalimah *dhikir* yang dibaca. Kononnya adalah untuk menunjukkan bahawa mereka itu dalam keadaan *jadhbah*, *dhawq* atau *maddat* dengan kerohanian para guru-guru *tarīqah* dalam salasilah Ahmadīyyah ini. Ada sebahagiannya pula keluar masuk dalam majlis *dhikir*, kononnya ada bahagian *dhikir-dhikir* tertentu yang boleh memberikan rasa *dhawq*, dan ada yang tidak. Mereka ini hanya menyertai perhimpunan semasa *dhikir-dhikir* yang boleh memberi *dhawq* itu berjalan. Perbuatan mereka ini sebenarnya boleh mengganggu jamaah lain yang ber*dhikir*.

Masalah ini sebenarnya menjadi fitnah kepada perjalanan dan amalan *tarīqah* Ahmadīyyah itu sendiri. Keseronokan dalam majlis *dhikir* itu mungkin juga satu rahmat yang dikurniakan oleh Allah. Namun ianya mungkin menjadi ujian kepada *ikhwān* supaya

membetulkan amalan-amalan mereka dan perilaku-perilaku mereka. Kerana di dalam majlis seperti inilah para syaykh akan memberikan beberapa syarahan ringkas dan nasihat-nasihat berguna. Bagaimana mereka akan dapat manfaat dalam majlis tersebut, jika mereka tidak menumpukan kepada majlis *dhikir*. Apa yang sebenarnya disuruh oleh Allah dalam amalan *dhikir* dan wirid itu ialah mengingati Allah, seronok dan senang dengan Allah, bukannya terhadap wirid atau *dhikir* yang dibacakan itu.

Sebahagian syaykh ḥarīqah mengibaratkan mereka yang seronok dengan amalan wirid dan *dhikir* yang dibacakan itu, samalah seperti seseorang yang mendengar lagu atau nyanyian para penyanyi. Sekalipun lagu itu tidak difahami bahasanya seperti lagu Inggeris atau seumpamanya. Umpama burung kakak tua yang pandai berkata-kata tapi tidak faham dan tahu maknanya. Murid tadi akan terganggu perjalanan kerohanianya, kerana perhatian dan tumpuannya terhenti pada wirid atau *dhikir* tadi. Sedangkan kefahaman yang ada dalam ilmu tasawwuf, *dhikir* itu mestilah dengan *tafakkur*. Firman Allah :

الذين يذكرون الله قياماً وقعوداً وعلى جنوبهم  
ويتفكرون في خلق السماوات والأرض ربنا ما  
خلقت هذا باطل سبحانك فقنا عذاب النار

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): 'Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.'<sup>42</sup>

Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa'īd menyatakan :

*...ketahuilah bahawa berdhikir itu berbagai peringkat keafthalannya dan ia mempunyai bermacam-macam kelakuan, adapun yang terutama sekali ialah dhikir yang dilakukan dengan ikhlas dan khusyu' dan jauh daripada sifat ria' dan bermegah-megah serta mengganggu manusia samada ia berdhikir seorang diri atau beramai-ramai dalam satu perhimpunan atau samada berdhikir dengan perlahan atau mengangkat suara...<sup>43</sup>*

Daripada fakta-fakta yang telah disebutkan, sebenarnya masalah yang berlaku adalah disebabkan kefahaman murid-murid tarīqah Ahmadīyyah yang longgar. Mereka sebenarnya lebih berpegang kepada rasa hati dan mencari kemudahan dalam melakukan amalan-amalan. Namun begitu para syaykh tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan mengaku perkara ini menjadi satu masalah dalam tarīqah Ahmadīyyah.

#### 9. Berpuas Hati Dengan Al-Wāridat

Maksudnya ialah *sālik* yang memperolehi *al-wāridāt* yang dikurniakan oleh Allah kepadanya. *Wāridāt* di sini secara ringkasnya bolehlah dinyatakan sebagai pelbagai hal yang disifatkan sebagai *al-dhawqiyyah* (rasaan) dan pelbagai *khatīr* (bisikan atau pemikiran yang muncul secara tiba-tiba) yang mendatangi ruang hati atau roh seseorang *sālik* yang berdhikir. Kepelbagaiannya pemandangan roh atau mata hati terhadap rahsia-rahsia perjalanan menuju Allah juga termasuk dalam makna *al-Wāridāt*. Di dalam ilmu tarīqah, *al-wāridāt* kadangkala dikenali juga sebagai *nātījah-nātījah dhikir*.

Seseorang murid yang menerima *waridat* daripada Allah hendaklah senantiasa bersyukur dan bertambah *tawaddu'*. Mereka juga hendaklah menyimpan rahsia-rahsia kerohanian yang hanya boleh dikhabarkan kepada guru atau syaykh yang memimpinnya. Sebab itulah *jumhur* ‘ulamā’ tasawwuf meletakkan bahawa wajib bagi seseorang *sālik* itu untuk mendapatkan seorang guru yang *mursyid* yang dapat memimpin kerohaniannya. Sekalipun mereka itu sudah mencapai ilmu dan tahap yang tinggi dalam bidang pengajian agama.<sup>44</sup> Ini di perumpamakan seseorang yang menghafal dan mengetahui seribu buah kitab perubatan. Namun begitu mereka itu selama-lamanya tentulah tidak boleh menjadi seperti seorang doktor yang sebenar. Begitulah perumpamaan bagi seorang murid yang berpegang dengan al-*wāridat* yang tidak dapat ditentukan benar atau salahnya. Kelemahan untuk mendalami ilmu agama di kalangan pengikut *tarīqah* Ahmadīyyah di Negeri Sembilan, adalah perkara yang telah lama ditegaskan.

Oleh sebab itu, mereka lebih seronok dengan *natijah-natijah dhikir* sehingga sampai kepada satu tahap sanggup mengatakan bahawa tanpa belajar agama pun, mereka boleh mencapai kerohanian yang lebih baik. Kadangkala mereka tidak dapat membezakan di antara perkara keutamaan (*al-awlāwiyyat*) dengan perkara asas. Contohnya seperti tidak mahu bergaul dengan masyarakat sekeliling, meninggalkan solat berjamaah, malas menuntut ilmu, membaca al-Quran dan sebagainya. Maka di sinilah peranan syaykh yang memimpin perjalanan sesuatu *tarīqah* itu untuk *mentarbiyyah* dan mengasuh murid-muridnya.

## 10. Mempermainkan arahan Allah

Masalah ini biasanya berlaku di kalangan murid-murid yang jahil dan tidak mempunyai asas agama yang kukuh. Mereka ini juga biasanya bersikap seperti pandai, tetapi sebenarnya jahil. Lebih hebat lagi, tidak mahu mengambil pelajaran dan juga merasakan bahawa tindakannya itu sudah betul. Contohnya, mereka ini mengatakan sentiasa mendapat *natījah-natījah* begitu, begini dalam *dhikir* mereka. Mereka juga mendakwa menerima *dhawqiyah, jadhbah* dan *fanā'* kepada Allah.<sup>45</sup>

Hakikat *dhawq* dan *fanā'* yang sebenarnya adalah rahsia murid dengan gurunya sahaja. Dakwaan-dakwaan mereka ini boleh menimbulkan kekacauan dan kekeliruan murid lain. Mereka tidak merasakan pengalaman kerohanian sebagaimana yang dilalui oleh murid itu. Kerana pengalaman itu adalah berbeza-beza kurnianya dari Allah. Murid seperti ini juga akan menyangka bahawa beliau sudah mencapai maqam yang khusus serta merasakan bahawa kerohanianya boleh meningkat tanpa perlu mendalami ilmu agama. Akhirnya murid ini meninggalkan beberapa amalan-amalan yang sepatutnya. Antaranya, tidak perlu berdoa selepas solat kerana hatinya berkata, Allah Maha Mengetahui apa-apa kehendak hatinya. Jadi dia meninggalkannya.

Sedangkan jika ia berdoa maka lebih *afdal* sebagai tanda syukur dengan redha dengan kurnia dan rahmat yang Allah berikan. Murid ini juga akan tercebur kepada perbuatan-perbuatan seperti, kerap melakukan dosa-dosa kecil tanpa rasa keselam-

dihati. Apabila ia bertaubat, cepat berharap bahawa Allah akan mengampunkan dosa-dosa tersebut kerana sifat rahmat dan pengampunNya. Meninggalkan pekerjaan dan mencari rezeki kerana rezeki itu datang daripada Allah. Maka rezeki tidak perlu dicari.

Kata-kata dan pegangan begini adalah sangat merbahaya dan boleh menjerumuskan murid itu keluar dari landasan '*aqidah*'. Mereka mengira bahawa telah menipu Allah. Tetapi sebenarnya sikap mereka ini telah dinyatakan oleh Allah dalam al-Quran. Mereka diperumpamakan seperti satu golongan yang dimasukkan ke dalam bekas dan bekas itu dimasukkan ke dalam neraka, lalu mereka bertanya kepada Allah kenapakah mereka dimasukkan ke dalam neraka, maka Allah menjawab bahawa Allah tidak membakar mereka tetapi hanya mahu membakar bekas itu sahaja. Inilah sebagai balasan kepada sikap mereka yang mempermainkan arahan-arahan Allah.

#### 11. Meninggalkan *Khalwat*

Antara amalan yang penting yang selalu dianjurkan dalam ḥarīqah - ḥarīqah sufiyyah ialah supaya murid-muridnya melakukan *khalwat* atau 'uzlah. Sayyidī Ahmad bin Idrīs, pengasas ḥarīqah Ahmadīyyah ini menyatakan :

وإذا رأيت نفسك لا تساعد على القيام على  
الوظائف العباده فاستعد بالخلوات التي هي  
نافعة للمبتدئ والمنتهى وبها تحصل الحمية

*Apabila engkau mendapati diri engkau tidak berupaya untuk mendirikan pekerjaan ibadat, maka hendaklah engkau meminta pertolongan dengan menjalankan khalwat yang sangat memberi manfaat bagi orang permulaan dan orang yang sudah sampai (ma'rifatillāh) dan dengan khalwat, akan terhasillah bagi engkau pendinding atau perangsang untuk melakukan amal ibadat.*<sup>46</sup>

Beliau seterusnya menyifatkan bahawa amalan *khalwat* itu seperti berikut

هـ اصل الدوـا

*Khalwat adalah merupakan asal bagi segala penyakit hati*<sup>47</sup>

Di dalam kitab-kitab taṣawwuf selalunya memang ada bab atau bahagian khusus yang menerangkan tentang amalan *khalwat*. Ini adalah kerana *khalwat* adalah menjadi salah satu daripada amalan utama dalam ḥarīqah - ḥarīqah ṣufiyyah. Di dalam kitab *Hikam* Ibn ‘Ataillāh juga menerangkan tentang faedah *khalwat* dengan katanya ;

ما نفع القلب شئ مثل عزلة يدخل بها ميدان فكره

*Apa yang dapat memberi manfaat kepada hati ialah sesuatu seperti ber'uzlah (*khalwat*) dimana dengannya hamba Allah boleh masuk dalam keluasan berfikir...*<sup>48</sup>

Sayyidi Ahmad bin Idris ra menjelaskan lagi kepentingan *khalwat* ini dengan katanya :

ولا شك أن الخلوة إن ليحصل فيها فتح ويحصل منها صفات القلب ويحصل فيها البشران

*dan tidak syak, khalwat jikalau tidak berhasil padanya “futūh”, maka berhasil dengannya kesucian hati, dan berhasil juga dengannya khabar-khabar berita yang menggembirakan<sup>49</sup>*

Sayyidi Ahmad Idris seterusnya berkata lagi :

فَاتَّخَذَ لَكَ سَاعَةً تَخْتَلِي فِيهَا بِرَبِّكَ وَتَوَجَّهُ إِلَيْهِ  
فِي الْخَلْوَاتِ بِلِحْزَبِيْنِ الْعَظِيمَيْنِ الْمُسْمَىِّنِ بِالْوَرْدِ  
الْأَحْمَدِيِّ وَالسَّرِّ السَّمْدَىِّ الْمُسْمَىِّنِ بِالْتَّجْلِيَّاتِ  
الْعَظِيمِيِّ وَالْغَرْقِ فِي بَحْرِ الْإِسْمَاءِ فَإِنَّهَا مِنْ أَعْظَمِ  
أَدْوِيَّهُ الْقَلْبِ فِي كَشْفِ أَسْرَارِ الْغَيْوَبِ

*maka hendaklah engkau menjadikan diri engkau satu masa, yang mana engkau bersuni-sunyian padanya dengan tuhan engkau dan bertawajuh kepadanya di dalam khatwat dengan membaca Ahzab-Ahzab yang besar manfaatnya, yang dunamakan dengan wirid al-Ahmadi dan Sir al-Sarmadi maka sesungguhnya cara ini ( khatwat ) merupakan sebesar-besarnya ubat untuk mengubati penyakit hati dalam usaha untuk membuka rahsia-rahsia alam Ghayb.*<sup>50</sup>

Apa yang penulis dapati amalan berkhawlāt atau ‘uzlah ini hanya dilakukan oleh sebahagian kecil sahaja oleh murid-murid ḥarīqah Ahmadīyyah. Ini adalah kerana kurangnya kefahaman kalangan murid-murid ḥarīqah Ahmadīyyah. Sehingga sebahagian mereka tidak tahu langsung bagaimana kaedah yang digariskan oleh ḥarīqah Ahmadīyyah itu sendiri. Bagaimanapun ‘uzlah dan khatwat ini adalah satu perkara yang menjadi kemestian bagi syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah. Mereka melakukan ‘uzlah sebagaimana yang lazimnya di lakukan oleh sekelian guru-guru dalam ḥarīqah-ḥarīqah sufīyyah.

Nabi s.a.w. sendiri melakukan ‘uzlah atau dalam bahasa *syari’atnya* melakukan *I’tikāf*. Sepanjang sepuluh hari terakhir dalam bulan Ramadhan baginda akan memasang *hibā’* iaitu khemah, untuk melakukan *I’tikāf* atau ‘uzlah ini. Baginda akan duduk di dalamnya dan hanya keluar kerana urusan-urusan yang perlu sahaja. Perbuatan baginda Nabi s.a.w. ini akan diikuti oleh para sahabat.

## 12. Meninggalkan Kepentingan Sanad Dan Salasilah

Salasilah dalam ilmu *tarīqah* adalah sesuatu yang amat penting. Seseorang murid dalam *tarīqah* mestilah mengetahui tentang salasilahnya sehingga bersambung-sambung (*muttasīl*) sampai kepada Rasulullah s.a.w. Pada dasarnya konsep salasilah ini samalah dengan *isnād* dalam ilmu hadith. Fungsinya yang penting ialah untuk mendapatkan *barakah* serta dapat menentukan kebenaran ilmu dan amalan *tarīqah* itu sendiri.<sup>51</sup> Pentingnya salasilah ini sehingga dinyatakan oleh salah seorang tokoh sufi terkenal iaitu Syaykh Ahmad al-Kamashkhanawī :

...orang yang tidak sah keturunannya kepada golongan sufīyyah, maka ia merupakan anak yang ditemui ditengah jalan, yang tidak berbapa...<sup>52</sup>

Syaykh ‘Abd Wahāb al-Sya‘rāni juga menegaskan :

*Ketahuilah wahai murid, sesiapa yang tidak kenalkan bapa dan para datuknya dalam *tarīqah* itu, maka ia buta dan mungkin juga nasabnya dihubungkan dengan orang lain yang bukan bapanya (yang sebenar).*<sup>53</sup>

Pemimpin ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan telah memperingatkan bahawa pentingnya *sanad* salasilah dalam ḥarīqah itu dengan katanya :

*kami mempunyai hubungan yang jelas dengan pengasas ḥarīqah ini iaitu kami menerima daripada ...<sup>54</sup>*

Bagaimanapun, tidak semua daripada murid-murid dalam ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan yang mengetahui dengan jelas salasilah ḥarīqah Ahmadīyyah yang diterima. Ini adalah kerana bagi mereka *sanad* itu tidak penting . Apa yang lebih penting ialah mereka dapat beramal dengan *awrād* dan *dhikir-dhikirnya*. Penulis sendiri pernah bertanya kepada salah seorang murid dalam ḥarīqah Ahmadīyyah tentang kefahamannya dalam hal salasilah ini.. Antara jawapan yang diberikannya ialah Sayyidi Ahmad bin Idris itu juga adalah ialah Imām Shāfiʻī.<sup>55</sup>

Sebahagiannya pula mengatakan bahawa ḥarīqah Ahmadīyyah ini diterima terus daripada Rasulullah. Memanglah tidak dinafikan adanya hubungan yang wujud dalam bentuk pertalian kerohanian. Tetapi salasilah kerohanian ini mestilah dikemukakan juga dalam bentuk *zāhiriyah* supaya tidak berlawanan dengan *syariʻatnya*, samalah dengan kaedah *isnād* dalam ilmu ḥadith. Ini dikenali oleh ‘ulamā’-‘ulamā’ ḥarīqah sebagai *silsilah hissiyyah* secara *wārathah* ( وارثة). Iaitu salasilah yang *zāhiriyah*.

Manakala salasilah yang kedua ialah *silsilah ma'naviyyah* atau juga dikenali juga dengan salasilah *uwaisiyyā* (أُوْيَسِيَّةٌ) <sup>56</sup> iaitu mengambil nama seorang tabi'īn 'Uwais al-Qarni ra. yang tidak berjumpa Nabi s.a.w., tetapi mendapat *tarbiyyah* secara langsung dengan Nabi secara kerohanian. <sup>57</sup>

Baginda Nabi selalu menceritakan tentangnya sehingga meminta Sayyidina Umar dan Sayyidina Ali ra. meminta *istighfar* daripadanya jika bertemu dengannya.<sup>58</sup> Antara 'ulamā'-'ulamā' ḥarīqah yang menyandarkan salasilah *uwaisiyyah* dalam *sanad* salasilahnya ialah Abū Yazīd al-Bustāmī yang mengambil daripada Sayyidiñā Ja'afar al-Sādiq r.a.<sup>59</sup>, Abū Hassan al-Kharqānī yang mengambil daripada Abū Yazīd al-Bustāmī dan Shah al-Naqsyabandī Syaykh Muhammad Bahā'u al-Dīn yang mengambil dari Syaykh Abū Khāliq al-Fajdūwani .<sup>60</sup>

Adapun tujuan supaya kenal *sanad* salasilah itu ialah untuk mendapatkan *barakah*. Keduanya adalah untuk mengetahui, siapakah guru-guru mereka dalam ilmu ḥarīqah itu. Jadi dengan pengetahuan ini akan mengelakkan mereka daripada terkeliru dan mengetahui bahawa perjalanan ḥarīqah mereka itu adalah betul. Sebab itulah kebenaran perjalanan satu-satu ḥarīqah itu betul atau tidak ialah dengan merujuk salasilahnya. Kegiatan ajaran *bātiniyyah* dan sesat tidak mempunyai salasilah. Biasanya mereka tiada pengetahuan dalam hal *sanad* salasilah ini.

## **Masalah Kewangan**

Selain daripada masalah yang tersebut tadi, penulis dapati dalam penyelidikaan beberapa masalah yang menjadi isu yang pasti di hadapioleh mana-mana badan-badan, organisasi atau kumpulan-kumpulan yang menjalankan kegiatan dakwah Islāmiyyah. Tidak kira samada ianya adalah badan-badan yang berdaftar, apatah lagi seperti kumpulan ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan ini yang melakukan dakwah dengan sukarela.

Sebagai satu kumpulan dakwah tentulah mereka mengalami pelbagai kesukaran dan juga banyak kelemahan-kelemahan yang terpaksa dihadapi sejak dahulu dan sekarang. Bagaimanapun para guru-guru dan juga syaykh-syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan ini tidak jemu-jemu menyusun kegiatan dakwah dan aktiviti mereka. Penulis menganggarkan bahawa kegiatan dakwah ḥarīqah di Negeri Sembilan ini telah berjalan hampir satu abad lamanya.

Sumber kewangan merupakan satu perkara yang menjadi asas dalam mana-mana gerakan dan kegiatan dakwah Islāmiyyah. Bagaimanapun dalam kegiatan dakwah yang dijalankan oleh kumpulan ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan ini sedikit pun tidak mengharapkan bantuan daripada mana-mana pihak tertentu. Jika adapun, ianya adalah sumbangan daripada badan pertubuhan atau orang perseorangan atas nama sumbangan

dakwah Islamiyyah sahaja. Oleh kerana ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan ini mempunyai pengikut yang ramai yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan kedudukan, maka tidak hairanlah sumbangan dan derma boleh didapati daripada pengikutnya.

Menurut beberapa *ikhwān* yang ditemui, semasa zaman Syaykh Ahmad dahulu orang ramai yang menziarahinya sentiasa menghulurkan derma dan sumbangan kepada beliau. Bagaimanapun syaykh Ahmad juga seorang pegawai kerajaan iaitu Mufti Kerajaan Negeri Sembilan ketika itu, tidaklah mengharapkan duit sumbangan dan derma tersebut untuk kegunaan sendiri. Mlahan beliau menggunakan duit tersebut untuk kegiatan dakwah dalam ḥarīqah Ahmadīyyah itu sendiri.<sup>61</sup>

Misalnya kegunaan untuk mendirikan Madrasah al-Sā'idiyyah, menjamu tetamu yang datang ke rumah beliau dan majlis-majlis *dhikir* dan *haul* yang bilangan hadirin beribu-ribu orang jumlahnya. Selain daripada itu sumber-sumber kewangan adalah datangnya daripada ahli-ahli ḥarīqah Ahmadīyyah sendiri yang ramai jumlahnya. Namun begitu perjalanan kewangan ini adalah tidak terorganisasi sepenuhnya.<sup>62</sup> Tidak sepetimana sekarang. Penggunaana media-masa, iklan-iklan di akhbar, cabutan-cabutan bertuah, pelaburan dan sebagainya yang boleh mendatangkan sumber kewangan dan derma kepada mana-mana badan dan pertubuhan yang memerlukan sumbangan kewangan.

Satu pujian dan kebaikan dalam tarīqah Ahmadīyyah ini ialah mereka tidak menggembar-gemburkan masalah kewangan ini ke mata umum. Ini adalah kerana sikap ini akan menyebabkan masyarakat memandang lemah kepada kegiatan dakwah Islamiyyah pula. Kerana jika ahli-ahli tarīqah Ahmadīyyah disibukkan dengan mencari wang atau sumbangan untuk menjalankan kegiatan mereka maka akhirnya perkara-perkara yang penting akan tertinggal. Perkara ini dijelaskan oleh Syaykh Murtadha sendiri katanya :

*...jika saya nak pergi berceramah ke masjid-masjid di kampung-kampung, habis satu masjid sibuk dengan persiapan-persiapan beli itu ini, belanja sekian-sekian banyak menghabiskan wang. Padahal apa yang penting ialah isi dan pengajaran ceramah bukan makan...<sup>63</sup>*

- Penulis juga mendapati aliran kewangan dalam kegiatan dakwah Ahmadiyyah ini disalurkan terus oleh syaykh-syaykh tarīqah Ahmadīyyah untuk perkara-perkara berikut
1. Mendirikan dan mengurus pusat pendidikan iaitu Madrasah al-Sā'idiyyah
  2. Membantu *ikhwān* yang memerlukan sumbangan kerana kematian, sakit dan kemalangan
  3. Perbelanjaan menguruskan majlis *haul* dan *dhikir* iaitu jamuan kepada *ikhwān-ikhwān* yang hadir dari seluruh pelusuk tempat di Malaysia
  4. Penerbitan buku-buku dan kitab-kitab dalam tarīqah Ahmadīyyah
  5. Menerbitkan risalah-risalah ringkas untuk *ikhwān* tarīqah Ahmadīyyah dan masyarakat umum

6. Sumbangan pendidikan kepada mana-mana anak *ikhwān* yang memerlukan bantuan pengajian di pusat pengajian Timur Tengah dan sebagainya.
7. Pembentangkan kertas kerja dan seminar kefahaman Islam dan lain-lain kegiatan Islam

### **Masalah Pusat *Tarbiyyah***

Tempat kegiatan dan pusat menjalankan *tarbiyyah* ḥarīqah Ahmad'iyah di Negeri Sembilan sekarang adalah di beberapa tempat. Penulis mendapati ianya terbahagi kepada dua tempat iaitu tempat yang formal dan tidak formal. Syaykh-syaykh ḥarīqah Ahmad'iyah di Negeri Sembilan biasanya menjalankan kegiatan mereka di surau-surau atau madrasah milik mereka sendiri. Misalnya Syaykh Muhammad Hamid bin Hj. Ahmad menjalankan kegiatan dakwahnya di Surau Kampung Bemban, Mambau, Negeri Sembilan.

Syaykh 'Abdullāh Sijang menjalankan aktivitinya di Masjid Batu 8, Port Dickson, Negeri Sembilan, Syaykh Muhammad Fuad menjalankan kegiatannya di Madrasah Kg. Chenor, Rembau, Negeri Sembilan, Syaykh Hj Murtadha Hj Ahmad dan Syaykh Hj Faiz Hj Ahmad menjalankan aktivitinya di Markas Pondok Rasah, Negeri Sembilan. Bagaimanapun mereka selalu mendapat jemputan untuk memberi kuliah-kuliah tetap di seluruh masjid dan madrasah di Negeri Sembilan dan juga di luar Negeri Sembilan.

Secara amnya, terdapat dua tempat yang menjadi pusat kegiatan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan sekarang, iaitu Markas Pondok Rasah, Seremban bagi *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah<sup>64</sup> dan Madrasah Kg Chenor bagi kumpulan ḥarīqah Ahmadīyyah al-Ja‘fariyyah yang dipimpin oleh Syaykh Fuad Hj Kamāluddīn. Kegiatan kedua-dua tempat ini adalah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti majlis *dhikir*, kuliah harian, majlis-majlis sambutan perayaan dalam Islam dan sebagainya.

Guru-guru dalam ḥarīqah Ahmadīyyah ini juga menerima murid-muridnya yang mahukan penerangan lebih lanjut atau perkara-perkara yang bersangkutan dengan perjalanan ḥarīqah ini di rumah-rumah syaykh mereka. Ada juga antara mereka ini bertujuan untuk berkhidmat memenuhi keperluan guru-guru mereka. Contohnya seperti melayan tetamu-tetamu syaykh, menyediakan makanan dan minuman, membersihkan rumah syaykh dan sebagainya. Perkara ini pernah di jelaskan oleh Sayyidi Ahmad bin Idrīs r.a. dengan katanya :

*berkhidmat kepada guru-guru bagi saya adalah satu keuntungan yang besar, saya berguru kepada seorang demi seorang...*<sup>65</sup>

Kepentingan pusat kegiatan dan markas *tarbiyyah* ini adalah penting kerana dari sinilah kegiatan dan pelbagai aktiviti akan berlaku. Terutama untuk menjalankan majlis

*dhikir* dan *haul*. Kawasan yang luas diperlukan. Mereka tidak boleh melakukan majlis ini di sebarang tempat kerana dikhuatiri menjadi isu dan rasa tidak puas hati masyarakat sekeliling yang tidak mengambil bahagian dalam amalan *tarīqah Ahmadīyyah* ini.

Perkara ini menjadi perhatian para syaykh dan guru-guru dalam *tarīqah Ahmadīyyah* di Negeri Sembilan sejak dulu lagi. Tambahan pula cara ber*dhikir* ahli-ahli *tarīqah Ahmadīyyah* mungkin menimbulkan salah faham dan fitnah kepada orang lain yang tidak memahami hakikatnya.<sup>66</sup>

### **Masalah Masyarakat**

Hasil daripada pemerhatian penulis, pada hari ini sikap masyarakat umat Islam di Negeri Sembilan terhadap dakwah *tarīqah Ahmadīyyah*, berbeza sejak ia mula dikembangkan. Jika dahulu dalam zaman Syaykh Hj Muhammad Sa'īd sehinggalah ke zaman Hj Ahmad bin Muhammad Sa'īd, (1906-1960an) sambutan masyarakat adalah amat menggalakkan. Selepas kematian Syaykh Ahmad (w.1964), *tarīqah Ahmadīyyah* masih terkenal di kalangan umat Islam di Negeri Sembilan. Bagaimanapun perubahan mula di rasai menjelang dekat 90an.

Pada hemat penulis perubahan yang berlaku pada masa sekarang adalah disebabkan generasi-generasi baru tidak diperkenalkan kepada ilmu *tarīqah* atau *taṣawwuf*

itu sendiri. Tidak dinafikan juga dengan perkembangan media-massa cetak dan elektronik yang berkembangan maju sekarang ini, mendorong mereka untuk meninggalkan pengajian Islam ini.

Selain dari itu, kemajuan pendidikan Islam secara formal dan perkembangan institusi pendidikan agama secara formal dengan sistem kurikulum yang tersusun seperti SMAP, SMKA-SMKA, Ma'ahad-Ma'ahad, Kolej-Kolej Islam dan galakan dari pemerintah menarik minat generasi baru untuk mengikuti perkembangan. Maka secara tidak langsung sistem pengajian dalam ḥarīqah Ahmadīyyah secara tidak formal ini mendapat kesan dari arus pembangunan.

Inilah antara sebab-sebab yang penulis dapati, menyebabkan kurangnya pengetahuan generasi baru masa kini tentang pengajian taṣawwuf dan amalan ḥarīqah Ahmadīyyah ini. Namun begitu di sebalik itu, tidak kurang juga yang mencebur kegiatan ḥarīqah Ahmadīyyah ini hasil daripada kegiatan generasi baru juga yang kembali merintis perjuangan para guru-guru ḥarīqah Ahmadīyyah ini. Terutamanya pelajar-pelajar yang menuntut dalam bidang pengajian Islam di universiti-universiti di Timur Tengah. Penglibatan mereka dalam gerakan taṣawwuf atau kumpulan ḥarīqah -ḥarīqah ini, memberi sumbangan yang amat berguna terutama kepada perkembangan agama Islam itu sendiri.

Selain itu penulis dapati masyarakat terkeliru dengan perjalanan ilmu ḥarīqah khasnya ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan apabila wujudnya aliran-aliran bātiniyyah yang sesat yang menggunakan label ḥarīqah. Kegiatan mereka ini sebenarnya untuk mengambil kesempatan kedunian dan memenuhi nafsu semata-mata. Secara tidak langsung ianya mencemarkan nama baik ḥarīqah -ḥarīqah yang betul perjalannya. Sumbangan media massa dalam menggembarkan isu ini, menjadikan masyarakat semakin prejudis dan bersangka buruk kepada ilmu ḥarīqah. Selain itu kempen-kempen media massa yang menyiarkan rencana-rencana, artikel dan juga idea-idea barat dan fahaman anti ḥarīqah juga menyebabkan ḥarīqah dipandang serong.

Misalnya, pada sekitar tahun 1950an di Negeri Sembilan satu kumpulan yang menggelarkan diri mereka *Ittiḥād Al-Sunnah* yang dipimpin oleh Ustaz Hashim Ghani<sup>67</sup> di Kuala Pilah, mempertikaikan tentang ajaran-ajaran dalam ilmu taṣawwuf dan amalan-amalan umat Islam yang ada. Mereka mendakwa tidak berpegang dengan mana-mana *madhab* yang empat dan mengaku berfahaman *salafī*.<sup>68</sup> Perkara ini telah dibawa kepada pengetahuan Shaikh Ahmad bin Muhamad Sa'īd yang menjadi Mufti ketika itu. Antara yang terlibat sepenuhnya menangani masalah ini ialah Syaykh Murtadha yang menjadi Qādhi di daerah Kuala Pilah ketika itu. Mereka ini akhirnya telah bermuzakarah dengan pihak Jabatan Agama Islam dan tindakan-tindakan telah dikenakan.

Menurut Syaykh Murtadha lagi, beliau juga pernah membentangkan kertas kerja berhubungan dengan kebenaran amalan-amalan dalam ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Perkara ini berlaku apabila pihak Pusat Islam sendiri mengatakan ḥarīqah Ahmadīyyah itu sesat. Beliau kemudiannya membentangkan kertas kerja untuk menyatakan kebenaran tentang ḥarīqah Ahmadīyyah itu kepada pihak Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang dibawah pimpinan Dato' Abd Hamid Othmān sekitar tahun 1980an.<sup>69</sup> Setelah dirujuk kepada ‘ulamā’-‘ulamā’ al-Azhar barulah akhirnya diakui kebenaran ḥarīqah Ahmadīyyah ini.

### **Masalah Politik Dan Sosial**

Keadaan politik dan sosial umat Islam di Malaysia pada hari ini juga antara faktor kurangnya sambutan kepada ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Gerakan politik ini mempunyai idea dan juga prinsip untuk mencapai tujuan masing-masing. Selain itu mereka juga ada menyusun *manhaj* dakwah untuk ahli-ahlinya. Ḥarīqah Ahmadīyyah sejak dulu tidak menceburkan diri mereka atau menghubungkannya dengan mana-mana gerakan politik. Oleh kerana ḥarīqah itu sendiri mempunyai *manhaj* dakwahnya tersendiri dan sudah diterima pakai jauh lebih lama daripada *manhaj* yang ada dalam pertubuhan-pertubuhan politik yang ada di Malaysia pada masa kini.

Bagaimanapun sambutan gerakan politik yang hangat masa kini terutama gerakan parti politik PAS (Parti Islam SeMalaysia) yang berprinsipkan Islam sebagai matlamat perjuangannya. Mungkin kerana sifat gerakan politik yang dibawa oleh PAS, terutamanya dalam manifesto mereka untuk mendaulatkan pelaksanaan hukum-hukum Islam di Malaysia, menjadikan ianya sebuah *harakah Islāmiyyah* yang menonjol dewasa ini. Selain daripada itu PAS juga mempunyai method dakwah yang tersendiri dan mempunyai sistem *tarbiyyah* yang disusun oleh tokoh-tokoh agama yang ada dan terkenal di kalangan umat Islam di Malaysia. Penulis merasakan bahawa aktiviti dakwah PAS yang menjurus kepada matlamat mendirikan Negara Islam dengan menekankan pelaksanaan undang-undang *syari'at* Islam mula diterima oleh orang ramai.

Namun begitu penulis juga mendapati tidak semua umat Islam yang menceburkan diri dalam aktiviti dakwah yang disusun oleh PAS. Penulis juga tidak merasakan bahawa dakwah Islāmiyyah yang di susun oleh PAS yang mengaku sebagai gerakan Islam (*harakah Islāmiyyah*) menghalang ahlinya dari mencebur *tarīqah*-*tarīqah* *sufiyyah*. Jika ada halangan-halangan tersebut nyatalah bahwa mereka itu jahil dalam memahami kemurnian Islam.

Dalam hal ini, para guru-guru dalam *tarīqah* Ahmadīyyah tidak banyak memberi pandangannya dalam masalah politik. Penglibatan politik tokoh-tokoh *tarīqah* Ahmadīyyah di Negeri Sembilan tidaklah menonjol. Bagaimanapun ini tidak bererti mereka

meninggalkan terus bidang politik yang juga adalah salah satu daripada ilmu Islam.

Mungkin method politik yang di gunakan oleh guru-guru dalam ḥarīqah Ahmad iyyah adalah berbeza dengan pemimpin parti-parti politik yang ada masa kini. Hassan Hj Salleh dan Muhammad Nūr Manutu pernah menyatakan sikap beberapa orang syaykh ḥarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan. Antaranya Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa'īd:

*pandangan-pandangan Allahyarham Tuan Mufti Shaikh Ahmad dalam hal-hal siāsah tidak banyak. Tulisan-tulisan beliau tidak ada langsung memperbahaskan mengenai konflik ideologi di antara UMNO dan PAS. Bagaimanapun beliau memberikan sokongan peribadi keatas calon-calon yang dianggap berperibadi Muslim yang masuk bertanding dalam pilihanraya-pilihanraya di Malaysia.<sup>70</sup>*

Penulis mendapati sebahagian besar syaykh ḥarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan tidak terlibat secara langsung dengan perkembangan politik. Bagaimanapun salah seorang syaykhnya pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan iaitu Syaykh Muhammad Hamīd bin Muhammad Sa'īd sekitar tahun 1970an. Sekalipun pemerhatian para syaykh-syaykh ḥarīqah Ahmad iyyah ini boleh dianggap terhad tetapi mereka ini sebenarnya mengikuti perkembangan politik yang berlaku di tanah air. Bagaimanapun, politik bukanlah matlamat utama dalam kegiatan dakwah kumpulan ḥarīqah Ahmad iyyah.

Namun begitu ‘ulamā’-‘ulamā’ ḥarīqah dan ṭaṣawwuf tidak lari daripada fitnah. Kedengaran suara-suara liar menuduh golongan ṣufiyah ini tidak memberikan apa-apa sumbangan dalam perjuangan umat Islam atau berjihad *fi sabilillah* di medan peperangan mahupun menentang kemungkaran atau pemerintahan yang zalim.<sup>71</sup> Memang tidak dinafikan, kejahilan masyarakat umum tentang ilmu ḥarīqah dan ṭaṣawwuf di Malaysia amat tinggi. Sehingga mereka tidak dapat membezakan pertubuhan politik yang dikuasai oleh umat Islam dan kumpulan yang menggerakkan dakwah Islamiyyah bukan atas dasar politik. Perbandingan dasar-dasar Islam yang ada dalam PAS contohnya pernah dibandingkan dengan ajaran dasar ilmu ḥarīqah.<sup>72</sup>

PAS sebagai satu pertubuhan umat Islam yang bergerak atas *manhaj siāsah* Islam. Sedangkan ḥarīqah itu adalah kumpulan dakwah Islamiyyah yang di dalamnya juga ada agenda politik Islam tersendiri. PAS sebagai satu badan politik juga adalah gerakan Islam yang baru muncul pada sekitar tahun lima puluhan di Malaysia. Sedangkan ḥarīqah itu wujudnya seiring dengan kelahiran Islam. Maka, dengan perbezaan ini penulis percaya bahawa keharmonian yang ada dalam pertubuhan-pertubuhan Islam yang ada dengan aliran-aliran ḥarīqah ṣufiyah di tanah air kita, tidak perlu di geserkan dengan masalah yang kecil.

Selain dari itu, faktor keruntuhan sosial umat Islam di Malaysia pada masa kini juga membimbangkan. Bukan sahaja mereka menjauhi amalan-amalan murni dalam Islam, malahan lebih dahsyat lagi keluar terus dari agama Islam. Antara gejala sosial yang melanda umat Islam di Malaysia ketika ini ialah gejala murtad, keruntuhan akhlak, pergaulan bebas muda-mudi sehingga menimbulkan masalah anak luar nikah, penagihan dadah, Aids, keruntuhan hubungan *silaturrahim* dan sebagainya.

### **Masalah Gerakan Pertubuhan Islam**

Isu yang diutarakan oleh penulis ialah tentang kemunculan gerakan-gerakan Islam yang menentang aktiviti dan kegiatan *tariqah* di kalangan umat Islam. Perkara ini sebenarnya menjadi isu semasa umat Islam dari dahulu sehingga sekarang. Di Malaysia sendiri pernah berlaku pertikaian di antara golongan kaum Tua dan golongan kaum Muda pada tahun 1950an.

Isu pergolakan ini sebenarnya amat sensitif dan berlarutan masa kini. Di Malaysia sendiri telah wujud beberapa kumpulan gerakan Islam dan pertubuhan kebajikan Islam yang mempunyai agenda mereka yang tersendiri. Antaranya ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia), Jemaah Islah Malaysia (JIM), Parti Islam SeMalaysia (PAS), Jemaah Tabligh, Persatuan al-Sunnah SemaMalaysia, Pertubuhan al-Ihsan, Persatuan ‘Ulamā’ Malaysia (PUM) badan kebajikan kepada umat Islam di Malaysia seperti PERKIM (Persatuan Kebajikan Islam Malaysia), dan pelbagai nama lagi.

Gerakan-gerakan Islam yang muncul dengan banyaknya ini sebahagiannya di gunakan sebagai landasan menentang amalan *tarīqah* di kalangan umat Islam di Malaysia secara langsung atau tidak langsung.<sup>73</sup> Menurut fahaman meraka, amalan-amalan *tarīqah* dan *tasawwuf* yang ada, adalah sesat dan tidak wujud dalam Islam. Lebih malang lagi suara-suara tersebut datangnya daripada golongan terpelajar dalam bidang pengajian Islam, pensyarah-pensyarah Universiti lepasan Arab Saudi dan Timur Tengah dan sebagainya.<sup>74</sup> Mereka juga terdiri dari tokoh yang aktif dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah yang kononnya menjurus kepada fahaman *salāfiyyah*. Kegiatan dakwah Islamiyyah ini memanglah sesuatu yang amat baik, tetapi menolak fahaman dan amalan *tarīqah* itu adalah sesuatu yang dianggap oleh ‘ulamā’-‘ulamā’ *tarīqah* sebagai menolak sebahagian Islam. Syaykh Hujwiri menyatakan :

*Sekiranya mereka itu mengingkari nama tasawwuf/tarīqah itu tidaklah mengapa. Jika mereka itu mengingkari berbagai-bagai makna yang terkandung dalamnya, berertilah mereka itu mengingkari seluruh syari’at Nabi s.a.w. dan ciri-cirinya yang terpuji.*<sup>75</sup>

Mereka ini kadangkala menyukarkan usaha-usaha syaykh-sayykh *tarīqah* Ahmad iyyah untuk memberi penerangan tentang amalan dalam *tarīqah* Ahmad iyyah ini. Perkara ini juga disedari oleh syaykh *tarīqah* Ahmad iyyah di Negeri Sembilan. Malahan mereka menyebarkan fitnah bahawa *tarīqah* Ahmad iyyah ini tidak benar perjalanannya melalui kuliah-kuliah dan ceramahnya atas nama sebagai seorang pendakwah.<sup>76</sup>

Selain dari itu tuduhan-tuduhan daripada gerakan -gerakan Islam yang tidak senang terhadap perjalanan ḥarīqah Ahmadīyyah, ada juga di kalangan mereka yang tidak mempunyai pengetahuan agama, sewenang-wenangnya melontar pelbagai tuduhan dan fitnah terhadap ḥarīqah Ah. Ḥadīyyah. Sedangkan selama ini kumpulan ḥarīqah Ahmadīyyah tidak menjalankan kegiatannya dengan semborono, atau mengganggu orang lain, mengancam keselamatan negara, atau seumpamanya. Malahan mereka telah membantu penyebaran dakwah Islamiyyah di Negeri Sembilan khususnya.

Isu-isu sebeginilah yang menyebabkan pada masa sekarang ini gerakan ḥarīqah Ahmadīyyah ini tidak menonjolkan aktivitinya secara langsung. Jika ada yang ingin mengambil *ijāzah* dan beramal dalam ḥarīqah Ahmadīyyah, mereka ini akan berjumpa dengan para syaykhnya samada di rumah atau di madrasah. Walaupun dikatakan kegiatan ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan tidak serancak dahulu, penulis dapati setiap kali diadakan majlis-majlis *dhikir* dan *haul* kelihatan masih ramai murid-murid dan *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah yang berkumpul. Sehingga dalam satu-satu majlis *haul*, jumlahnya ribuan juga.

## **Kesan Kegiatan Dakwah Tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan**

Jika di lihat proses dakwah tarīqah Ahmadīyyah di Nusantara ini, jangkamasanya sudah berlaku hampir seratus tahun atau satu abad. Bermula daripada kepulangan syaykh Muhammad Sa'īd ke Tanah Melayu pada 1900, hingga sekarang 1999.<sup>77</sup> Ia merupakan satu jangka masa yang amat lama dalam sejarah perkembangan kegiatan dakwah. Apatah lagi kegiatan tersebut merupakan satu aliran tarīqah ṣufiyyah yang datang secara langsung dari negara Arab.

Tarīqah Ahmadīyyah sudah melalui pelbagai cabaran dan ujian. Bermula daripada Syaykh Muhammad Sa'īd hingga kepada syaykh yang memimpin sekarang iaitu keturunan beliau yang ketiga Syaykh Murtadha Hj Ahmad bin Muhammad Sa'īd. Penulis merasakan bahawa tarīqah Ahmadīyyah telah sampai kepada satu kegiatan dakwah yang cukup terkenal di Negeri Sembilan. Antara kesan-kesan dakwah tarīqah Ahmadīyyah ini di Negeri Sembilan ialah :

1. Mendekatkan hubungan antara golongan ‘ulamā’ dengan pihak Istana dan pembesar Negeri.

Hubungan ini telah bermula sejak daripada zaman Syaykh Muhammad Sa‘id (w.1926) sendiri. Beliau sangat disayangi oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ketika itu iaitu Tuanku Muhammad (1888-1933). Baginda selalu meminta nasihat dan fatwa agama daripada Syaykh Hj Muhammd Sa‘id. Begitu juga dengan pembesar-pembesar yang lain antaranya Dato’ Kelana Ma‘amur ( 1889-1945 ). Hubungan yang baik dan hormatnya kepada seorang ‘ulamā’ ini sehinggalah membawa kepada tawaran jawatan Qādhi oleh Dato’ Kelana Ma‘amor kepada beliau. Namun begitu Syaykh Hj Muhammad Sa‘id menolak tawaran tersebut dengan baik.<sup>78</sup>

Syaykh Abdullah bin Muhammad Sa‘id (w.1956), menggantikan bapanya juga adalah seorang syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah yang mempunyai hubungan dengan pihak Istana. Beliau adalah guru kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ketika itu iaitu Tuanku ‘Abd Rahmān, juga Yang Dipertuan Agong pertama Malaysia. Pengganti Syaykh ‘Abdullāh iaitu Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa‘id (w. 1964) juga adalah tokoh ḥarīqah yang menjadi kesayangan umat Islam ketika itu. Sumbangan beliau amat besar dalam dakwah Islāmiyyah sehingga dikurniakan oleh pihak kerajaan persekutuan Tanah Melayu ketika itu bintang Ahli Mangku Negara dan Pingat Jasa Kebaktian oleh Kerajaan Negeri Sembilan.<sup>79</sup>

Hubungan antara pihak Istana dan pembesar negeri menyebabkan sebahagian mereka menjadi muridnya dan beramal dengan amalan ḥarīqah Ahmad İyyah. Termasuklah YDP Agong Pertama Malaysia serta lain-lain pembesar negara dan pegawai-pegawai kerajaan.<sup>80</sup> Penulis merasakan bahawa ḥarīqah Ahmad İyyah ini adalah salah satu ḥarīqah yang paling terkenal sepanjang kemunculannya sehingga sekarang.

Jika disebut orang tentang ḥarīqah Ahmad İyyah maka, akan terbayang kisah tokoh-tokohnya. Salah seorang daripada *ikhwān* ḥarīqah Ahmad İyyah mengakui ketokohan dan mahsyurnya ḥarīqah Ahmad İyyah ini dengan katanya :

*Tuan Syaykh Ahmad pernah berkata kepada saya bahawa tidak kurang daripada seratus ribu orang telah menziarahi beliau dan mengambil serba sedikit ajaran agama dari beliau. Bilangan besar itu termasuk orang-orang ternama seperti Gabenor dan Menteri-menteri, pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan juga golongan kaya serta miskin...<sup>81</sup>*

## 2. Kemunculan ‘Ulamā’-‘Ulamā’ di Negeri Sembilan

Kemunculan ‘ulamā’-‘ulamā’ di Negeri Sembilan adalah kesan daripada perkembangan dan kegiatan dakwah ḥarīqah Ahmad İyyah. Ini dapat dibuktikan bahawa kemunculan-kumunculan ‘ulamā’-‘ulamā’ di Negeri Sembilan adalah dengan sebab secara langsung atau tidak langsung. Maksud secara langsung ialah, lahirnya mereka ini dari kalangan tokoh-tokoh ḥarīqah Ahmad İyyah ini.

Antaranya seperti Syaykh Muhamad Sa'īd bin Jamaluddin al-Lingga (w. 1926) Lebai 'Abbas bin Zakaria (w. 1926) Haji Mustafa bin Hj Ahmad (w. 1927), Syaykh 'Abdullah bin Muhammad Sa'īd (w. 1956) Shaikh Ahmad bin Muhammad Sa'īd (w. 1964), Lebai Muhammadiyyah bin Mohd. Zain (w. 1968), Lebai Aris bin Ahmad (w. 1948) Hj Muhammad bin Hj Itam (w. 1969), Syaykh Muhammad Hamid (w. 1997) seorang hafiz, Hj Mansor bin Muhammad Sa'īd (w. 1981) Hj Hassan bin Sail, Hj. 'Abdullah Sijang, Hj Muhammad Noor bin Muhammad Sa'īd, Hj. Faiz bin Ahmad, Hj. Murtadha bin Ahmad, Hj Fuad Kamaluddin, dan ramai lagi 'ulamā'- 'ulamā' di Negeri Sembilan. Oleh kerana perkara ini harus di ambil perhatian maka, salah seorang murid ḥarīqah Ahmadīyyah telah mengarang dan menulis buku yang bertajuk '*Alim 'Ulamā' Negeri Sembilan*'.<sup>82</sup>

Ḩarīqah Ahmadīyyah juga menjadi sebab kelahiran 'ulamā' di Negeri Sembilan secara tidak langsung. Perkembangan kegiatan ḥarīqah Ahmadīyyah telah membantu kesedaran umat Islam. Kesannya, ramai yang telah mula mengambil kesempatan dengan perkembangan amalan-amalan dan pendidikan Islam khususnya dalam kegiatan ini. Kewujudan madrasah-madrasah Islam dalam daerah-daerah di Negeri Sembilan adalah dengan sebab rancaknya perkembangan dan kegiatan Islam ketika itu. Ini memberi peluang kepada para tokoh dan 'ulamā' yang lain untuk memperhebatkan dakwah Islamiyyah. Ketika suasana umat Islam yang sedar dan terdedah dengan pelbagai ilmu.

Di samping itu galakan pemerintah yang mempunyai kesedaran tentang dakwah Islamiyyah, juga memberi sumbangan dalam kebangkitan Islam. Ditambah dengan pendekatan syaykh-syaykh tarīqah Ahmad iyyah terhadap golongan istana dan pembesar negara dengan penampilan imej yang sihat, memberi peluang kepada kegiatan dakwah Islamiyyah berkembang di Negeri Sembilan.

### 3. Perkembangan Penulisan dan Penterjemahan Karya -karya Islam.

Kemunculan golongan ‘ulama’ dan sokongan golongan pemerintah terhadap usaha-usaha mereka ini menyebabkan berlakunya proses pertumbuhan penterjemahan dan penulisan dalam karya -karya Islam. Ianya adalah berhubung dalam bidang *fiqh*, *tauhid* dan *tasawwuf*. Banyak kitab-kitab yang dikarang oleh golongan ‘ulamā’ ini telah memberi kefahaman yang baik kepada umat Islam di Negeri Sembilan khususnya.

Bagaimanapun penulis dapati kemunculan tokoh-tokoh Ahmad iyyah, khasnya Syaykh Hj Muhammad Sa‘id dan Hj Ahmad bin Muhammad Sa‘id telah berjaya menghasilkan tidak kurang daripada lima puluh karya atau enam puluh karya

Syaykh Muhammad Sa‘id sahaja, mengarang tidak kurang dari sepuluh buah kitab serta beberapa lagi penulisan tangan dan 142 bait syair.<sup>83</sup> Manakala syaykh Ahmad, adalah sebanyak lapan belas buah karya yang telah diberikan tajuk dan dibukukan. Sementara itu ada beberapa lagi yang masih dalam bentuk asal.<sup>84</sup> Apa yang diketahui oleh

penulis sendiri, karya beliau semuanya sebanyak tiga puluh yang telah bercetak. Bagaimanapun, hanya yang tersebut itu sahaja yang diketahui.

Selain daripada kedua-dua orang tokoh ini terdapat beberapa tokoh daripada kalangan *ikhwān* *tarīqah* Ahmadīyyah. Mereka menyumbangkan karya dan bentuk penulisan, makalah, rencana dan sebagainya berhubung dengan *tarīqah* atau tasawwuf seperti Prof. Dr Mahmūd Saēdon Awang Othmān, Hj Murtadha bin Hj Ahmad, Mohd Khalīl Hj Ahmad, Hj Hassan Sāil, Syaykh Mahmūd bin Hj Ahmad dan lain-lainnya.

#### 4. Sumbangan Terhadap Pentadbiran Agama Islam di Negeri Sembilan.

Kemunculan beberapa tokoh dalam *tarīqah* Ahmadīyyah telah banyak membantu memperkembangkan pentadbiran dakwah Islāmiyyah, khususnya Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan. Ini bermula apabila seorang tokoh *tarīqah* Ahmadīyyah iaitu Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa‘id menjadi Mufti pertama bagi Kerajaan Negeri Sembilan. Beliau yang tanpa ada pengetahuan tentang selok belok pentadbiran telah berjaya mengharungi semua ini dengan cemerlangnya. Ini kerana, ketika jawatan tersebut disandang, negara kita masih belum mencapai kemerdekaan. Maka tentulah keadaan sistem pentadbiran agama Islam dalam keadaan yang lemah sekali. Beliau juga menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan iaitu pada tahun 1950-1964.

Kejayaan beliau mentadbir Jabatan Agama Islam ketika itu setanding dengan jabatan-jabatan yang lain yang kebanyakkan ketua-ketua jabatannya dan pegawainya mendapat kursus dan latihan dari pihak penjajah Inggeris.<sup>85</sup> Sedangkan Syaykh Ahmad tidak pernah sekali berpengalaman mentadbir sebuah jabatan yang menjadi perhatian dan rujukan umat Islam ketika itu. Namun dengan berkat serta keilmuan yang dikurniakan oleh Allah beliau berjaya. Beliau adalah juga Mufti kepada Yang Dipertuan Agong yang pertama, kedua dan ketiga.<sup>86</sup>

Manakala sebahagian besar sistem pentadbiran Jabatan Agama Islam di Negeri Sembilan pada hari ini adalah di asaskan oleh beliau. Selain daripada beliau beberapa orang tokoh dalam ḥarīqah Ahmadīyyah juga menjadi Mufti Kerajaan Negeri Sembilan iaitu Tuan Hj Hassan bin Ūail dan juga Hj Murtadha bin Hj Ahmad sehingga sekarang ini. Penulis percaya ini adalah kerana kepercayaan para ‘ulamā’ di Negeri Sembilan terhadap ketokohan murid-murid ḥarīqah Ahmadīyyah dalam bidang agama.

##### 5. Perkembangan Sistem Pendidikan Islam Kepada Masyarakat Islam di Negeri Sembilan

Peranan tokoh-tokoh ‘ulamā’ ḥarīqah Ahmadīyyah juga telah memberi kesan kepada perkembangan sistem pendidikan kepada masyarakat Islam di Negeri Sembilan. Sebuah sekolah agama yang diberi nama Madrasah Al-Sa‘idiyyah telah berjaya ditubuhkan pada tahun 1935 M. Daripada madrasah inilah lahirnya ramai tokoh-tokoh

agama di Negeri Sembilan. Sistem pendidikan yang dijalankan di sini adalah berdasarkan sistem pondok yang ada di kebanyakan tempat di Malaysia. Sistem pengajian tradisional di Negeri Sembilan ini lebih istimewa, apabila dipimpin oleh seorang syaykh *tarīqah*. *Tarbiyyah* yang dijalankan lebih menjurus kepada teori dan amali Islam.

Pembangunan ilmu agama bukan hanya terhenti di madrasah ini sahaja, malahan pemimpin-pemimpin *tarīqah* Ahmadīyyah telah menyebarkan dakwah Islamiyyah dan pendidikan Islam di seluruh ceruk pelusuk daerah-daerah di Negeri Sembilan. Perkara ini telah diakui oleh Jawatankuasa Memperingati Tokoh ‘Ulamā’ Silam Yang Ke V, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada tahun 1980. Peranan tokoh-tokoh dalam *tarīqah* Ahmadīyyah di Negeri Sembilan seperti Syaykh Ahmad yang memberi banyak sumbangan dalam bidang pendidikan Islam adalah menjadi satu faktor jawatankuasa tersebut memilih tokoh *tarīqah* Ahmadīyyah ini, sebagai tokoh ‘ulamā’ Malaysia.

##### 5. Mempertahankan Hukum-Hukum *Syari’at* Daripada Di Cemari oleh Hukum Adat Perpatih Negeri Sembilan.

Apabila membincangkan pelaksanaan undang-undang *Syari’at* Islam di Negeri Sembilan, maka masyarakat umum sentiasa mengaitkannya dengan sistem adat Perpatih. Sistem Adat Perpatih memanglah sedia terpakai dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Malahan ianya menjadi panduan dalam pemilihan pucuk pemimpin-pemimpin

Negeri seperti Yang Dipertuan Besar, Dato'-Dato' Undang, Ketua-Ketua Lembaga, Ketua Adat dan sebagainya.

Perkara yang menjadi masalah ialah berhubung dengan masalah pembahagian harta pusaka. Di dalam Adat Perpatih telah tersusun beberapa kaedah dan cara-cara pembahagian harta pusaka. Terdapat beberapa kaedah tersebut yang berlawanan dengan undang-undang Islam atau *Farā'id* Islam. Perkara yang paling nyata ialah kelebihan kepada anak perempuan mewarisi harta pusaka. Berbanding dengan pembahagian dalam undang-undang *Fiqh* bahawa lelaki mendapat lebih daripada perempuan. Maka perselisihan ini adalah pada perkara yang pokok.

Penulis dapati tokoh-tokoh Ahmad'iyyah amat bertegas dalam hal bersangkut paut dengan syariat dan 'aqidah. Contohnya, Syaykh Ahmad sebagai seorang Mufti, pada satu masa tidak langsung mahu bertolak ansur dengan sistem pembahagian pusaka Adat Perpatih. Dengan sebab inilah beliau berselisih faham dengan Menteri Besar Negeri Sembilan ketika itu, iaitu Dato' Malek Yusof dan Undang-Undang Luak di Negeri Sembilan. Beliau mengemukakan hujah bahawa pembahagian pusaka menurut al-Qur'an dan Sunnah telah sempurna dan muktamad.<sup>87</sup>

Penulis mendapati sehingga ke hari ini, kebanyak pemimpin -pemimpin tarīqah Ahmad'iyyah tetap mengutamakan penggunaan hukum-hukum Islam dan undang-undang

syari'at tanpa mendahulukan hukum-hukum adat terutama dalam soal-soal pembahagian harta pusaka, perkahwinan dan kehidupan.

#### 6. Kesan-Kesan Dalam Amalan Dan Ibadat Islam

Dalam amalan -amalan Islam dan juga kehidupan seharian, masyarakat Islam di Negeri Sembilan pada hari ini banyak terpengaruh dengan kesan - kesan dakwah dan kegiatan Islamiyyah yang diperkenalkan oleh kumpulan tarīqah Ahmadīyyah ini. Contoh yang paling ketara sekali ialah dalam bacaan *wirid* selepas solat.

Boleh dikatakan hampir sebahagian besar umat Islam di Negeri Sembilan menggunakan *wirid-wirid* Ahmadīyyah. Contohnya bacaan selepas solat :

1.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ الرَّسُولُ اللَّهُ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ  
عَدَدَمَا وَسِعَهُ عِلْمٌ اللَّهُ

2.

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ  
إِسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ عَمِلْتُ سُوءًا وَظَلَمْتُ نَفْسَ  
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

Penulis sangat pasti bahawa lafaz ini selalu dibaca di kebanyakan masjid-masjid di Negeri Sembilan. Bacaan ini seolah-olah menjadi perkara biasa dalam diri setiap

jamaah yang bersolat di masjid-masjid dan kebanyakkan para Imam akan membaca *wirid* tersebut. *Wirid* ini dalam ḥarīqah Ahmadīyyah di kenali sebagai *al-Tahlīl*<sup>88</sup> dan yang kedua tersebut di namakan sebagai *Kifārat al-Majlis*. Selain daripada itu kalimah ini juga sering digantung di dalam masjid-masjid.<sup>89</sup>

Begitu juga dengan teks bacaan *talqīn* yang selalu di baca ketika berlaku kematian, adalah yang disusun oleh Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa'īd, tokoh ḥarīqah Ahmadīyyah. Begitu juga dengan doa-doa arwah dan amalan-amalan harian lain yang semuanya terkandung dan di susun dalam kitab beliau berjudul : *Majmu 'āt Musmāt bi Tuhfat al-Awtān wa al-Ikhwān*. Kitab-kitab ini juga di jual kepada umat Islam secara umum di Negeri Sembilan.

Kesan dakwah dalam ḥarīqah Ahmadīyyah juga jelas dalam majlis-majlis bacaan Yāssin setiap malam Jumaat di Masjid-masjid dan madrasah-madrasah serta surau-surau. Majlis ini biasanya akan di ketuai oleh Imam dan jamaah akan duduk dalam satu bulatan. Mana-mana jamaah yang berhajat akan membawa air kosong dalam bekas dan akan meletakkan ditengah-tengah bulatan tersebut. Tujuannya adalah untuk mengambil keberkatan majlis tersebut. Selepas selesai membaca surah Yassin, jemaah akan mengakhiri majlis dengan *dhikir* kuat iaitu kalimah (اَللّٰهُمَّ اكْبِرْ ) dibaca sekurang-kurangnya seratus kali. Sekalipun perkara ini agak biasa, tetapi cara ini sudah dilakukan sejak ḥarīqah Ahmadīyyah di perkenalkan di Negeri Sembilan.

Telah menjadi amalan dalam bulan Ramadhan, kebanyakkan masjid-masjid di Negeri Sembilan akan melakukan solat *tarāwih* sebanyak sepuluh rakaat dengan mempunyai doa-doa yang khas dan *ma'thur*. Kaedah solat sepuluh rakaat solat *tarawih* ini dimulakan oleh Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa'īd. Sekalipun sebagai seorang Mufti, beliau tidak mengarahkan kaedah tersebut dilaksanakan di semua masjid. Malahan jamaah di beri kebebasan untuk melaksanakan samada sepuluh atau dua puluh rakaat. Beliau telah menghasilkan sebuah karya berhubung dengan cara solat *tarāwikh* sepuluh rakaat.<sup>90</sup> Penulis dapati hingga ke hari ini kaedah tersebut masih dilaksanakan di masjid-masjid di Negeri Sembilan setiap kali bulan Ramadhan.

## 7. Kemunculan dan Perkembangan Aliran Tarīqah - Tarīqah Sufiyyah

Kemunculan dan perkembangan aliran tarīqah -tarīqah sufīyyah yang lain jelasnya telah bermula di Negeri Sembilan. Ini adalah kerana suasana umat Islam ketika itu begitu tertarik dengan perjalanan dan amalan tasawwuf, selain dari pengaruh pemimpin-pemimpin agama di Negeri Sembilan yang terdiri daripada tokoh-tokoh yang beramal dengan amalan tarīqah. Maka tentulah tidak menjadi masalah kepada aliran-aliran tarīqah sufīyyah yang lain untuk berkembang. Kebanyakkan guru tarīqah -tarīqah sufīyyah ini mempunyai persamaan *manhaj* dan tujuan. Penulis dapati beberapa aliran tarīqah yang berkembang sejajar dengan pengaruh tarīqah Ahmad Iyyah di Negeri Sembilan ketika itu.

Bagaimana pun, ada di kalangan pengamal tariqah ini betul pada awal perjalanananya, *sanad* dan salasilah yang *mu'tabar*. Tetapi malangnya, sebahagian mereka akhirnya tergelincir bahkan menyeleweng dari perjalanan ahli sufi yang sebenar. Perkara ini seringkali terjadi khususnya apabila golongan ini mula mendapat tempat dalam masyarakat, maka akhirnya berlakulah dakwaan-dakwaan seperti *Imām al-Mahdī*, utusan tuhan dan seumpamanya.<sup>91</sup> Antara perkembangan tariqah sufiiyah lain yang turut berkembang di Negeri Sembilan ketika itu ialah :

- i. Tarīqah Syātariyyah- antara tokohnya yang terkenal di Negeri Sembilan ialah Tuan Tulus atau tuan Tulis atau nama asalnya Ismāīl bin Jāāman. (1840-w.1923 ) dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau boleh di anggap sebagai seorang guru dan pemimpin tetapi seorang '*alim* yang mahsyur. <sup>92</sup>
- ii. Tarīqah Naqsyabandiyyah - kegiatan tarīqah ini menurut pemerhatian penulis telah bermula lama. Ianya bermula apabila salah seorang *mursyid* tarīqah ini iaitu Syaykh Hj Ahmad bin Hj. Muhammad yang membuka surau dan memimpin suluk di Batu Tujuh, Pantai, Jalan Jelebu, Seremban Negeri Sembilan. Selepas kewafatan beliau, muridnya iaitu Syaykh Hj. Ma'arof bin Ya'qūb (1901-1994 M ) menggantikan beliau pada tahun 1942. Pusat kegiatannya ialah di Surau Sulūk, Kg. Baru, Lenggeng, Negeri Sembilan.<sup>93</sup>

Beliau mempunyai ribuan murid-murid dan *khālifah-khālifah*nya. Namun begitu penulis dapati kebanyakkan penduduk Negeri Sembilan lebih terdedah dengan kegiatan tarīqah Ahmad iyyah. Ini mungkin disebabkan disiplin dan *adābiyyah* dalam tarīqah Naqsyabandiyah ini terlalu ketat, *mujāhadahnya* yang tinggi, amalan bersuluk dan sebagainya.<sup>94</sup>

Selepas kewafatannya beberapa orang wakilnya telah menggantikan beliau. Murid-murid beliau adalah terdiri daripada pelbagai lapisan. Pegawai kerajaan, pensyarah-pensyarah universiti, guru-guru sekolah, tokoh-tokoh agama dan sebagainya. Sehingga ke hari ini, penulis dapati kegiatan ini masih berjalan di sini.

Penulis juga di beritahu bahawa tarīqah Naqsyabandiyah di Negeri Sembilan mempunyai beberapa aliran. Mereka juga mempunyai beberapa tempat menjalankan majlis *dhikir* dan *tawajjuh* dan *sulūk*. Antaranya di Kampung Pantai, Jelebu, Sungai Chuah, Lukut, Port Dickson, Nilai dan beberapa tempat lagi.<sup>95</sup> Penulis juga sempat bertemu dengan beberapa wakil-wakil tarīqah Naqsyabandiyah Qādirun Yahyā<sup>96</sup>, yang menjalankan kegiatan mereka di Jalan Pantai, Seremban, Negeri Sembilan.<sup>97</sup> Bagaimanapun tarīqah Naqsyabandiyah Qādirun Yahyā di anggap sesat oleh pihak Pusat Islam pada tahun sekitar 1980an.<sup>98</sup> Oleh sebab itu, beberapa pusat kegiatan mereka ini terpaksa dihentikan seketika atas arahan pihak berkuasa.

Apa yang penulis dapati, kesemua kegiatan-kegiatan tarīqah ini masih berjalan hingga ke hari ini di Negeri Sembilan. Bagaimanapun setakat ini, tiada lagi penyelidikan dan penulisan berhubung dengan sejarah dan juga perkembangan kegiatan tarīqah -tarīqah sufiyyah secara khusus di Negeri Sembilan. Pada hemat penulis masih terdapat lagi beberapa aliran tarīqah yang *mu'tabar* yang giat menjalankan kegiatannya. Namun begitu kegiatan mereka ini masih belum dapat dikenal pasti secara mendalam. Usaha-usaha merintis jalan penyelidikan ini mestilah diteruskan samada oleh pihak yang berkewajipan atau persendirian.

---

<sup>1</sup> Surah Yāasīn, ayat 83

<sup>2</sup> Surah al-Fāatir, ayat 28

<sup>3</sup> Surah al-Saad, ayat 82-83

<sup>4</sup> Surah Yunus , Ayat 58

<sup>5</sup> Surah Al-Ra'd, ayat 28

<sup>6</sup> Surah Al-Munāfiqun, ayat 9

<sup>7</sup> Misalnya dalam satu kes ada seorang murid dalam tarīqah Ahmadiyyah yang bernama Ahmad mengaku bahawa beliau mendapat beberapa alamat sehingga membolehkan beliau mnegajarkan amalan dalam tarīqah ini kepada orang ramai. Bahkan beliau memimpin kumpulannya membawa dhikir. Tetapi perkara ini dapat diselesaikan oleh pemimpin tarīqah Ahmadiyyah. Temuramah dengan Dato' Mufti Hj Murtadha Hj Ahmad pada Julai 1997.

<sup>8</sup> Surah al-Baqarah, ayat 105

<sup>9</sup> Ibn 'Āṭāl-Lāh, *Hikam*, Maktabah Wa Matba'ah Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang.,t.t, hal. 3

<sup>10</sup> Surah al-Isra', ayat 40

<sup>11</sup> Ṣoleh al-Ja'aferi, *A'l-thār Ażhar Aghsān Khatirat al-Taqdis*, Dar al-Jawami' al-Kalam, al-Kaherah, 1993, hal. 114

<sup>12</sup> Al-Ghazāli, *Mukhtaṣar Ihyā Ulūm al-Dīn*, Beirut, Muassasah al-Kutub al-Thaqafah dan Dar al-Fikr, 1986/1406H, hal. 11

<sup>13</sup> Surah Al-Mujādalah, ayat 11

<sup>14</sup> Surah Al-Baqarah, ayat 282

<sup>15</sup> Surah Al-Ankabūt, ayat 69

<sup>16</sup> Surah Al-Zumar, ayat 9

<sup>17</sup> 'Abd Halīm Mahmūd, *Qādiyyah al-Tasawwuf al-Munqidh Min al-Dalāl*, Qahirah, Dar al-Makrifah, t.t. hal. 311

<sup>18</sup> Surah al-Ra'd, ayat 19-24

<sup>19</sup> Surah Al-Talaq, ayat 2-3

<sup>20</sup> Surah An-Nūr, ayat 38

<sup>21</sup> Surah Al-Jumu'ah, ayat 10

<sup>22</sup> Surah Al-A'la, ayat 14-15

<sup>23</sup> 'Abd Samad al-Falimbāngi, *Siir al-Salikīn*, Maktabah Wa Matba'ah Muhammad al-Huda Wa Awladuhu, Patani, Juzuk 2, hal. 78

<sup>24</sup> *Ibid*, hal. 61-62

<sup>25</sup> Kes-kes individu yang mengaku menjadi Wali Allah sebenarnya terlalu banyak berlaku dalam masyarakat umum. Bahkan yang paling ramai terjadi ialah mereka yang bukan beramal dengan amalan tarīqah -tarīqah sufiiyah. Maksudnya ialah mereka hanya berselindung di sebalik nama kumpulan tarīqah yang *mu'tabar*. Contohnya seperti kes Hassan Anak Rimau, Mengenal Diri,Ilmu Kaji Diri, Ajaran Ahmad Laksamana, Tarikat Roket dan sebagainya. Lihat Senarai Ajaran Sesat/Salah yang dikeluarkan oleh Pusat Islam pada tahun 1982

<sup>26</sup> Lihat Buku Cenderamata UKM, *loc. cit.* hal. 22

<sup>27</sup> Ahmad bin Muhammad Saīd, *Ittiḥāf Zawi al-Raghabāt Bi bayān Karāmat al-Awliyā' fī al-Hayāt*

---

*Wa Ba‘da al-Mamat*, Percetakan Jawi, Singapura, 1358 H, hal.46

<sup>28</sup> Muhammad Nūri Rāsyid, *Rudūd 'Ala Shubhāt al-Salafiyah*, Matba‘ah al-Sibah, 1987, hal. 129

<sup>29</sup> Surah Taha , ayat 66

<sup>30</sup> Surah Al-A‘raf ayat 116

<sup>31</sup> Surah Al-Jinn, ayat 6

<sup>32</sup> Dr Mahmūd Saēdon & Mohd Khalīl Hj Ahmad, *Syaykh Hj Ahmad bin Syaykh Hj Muhammad Sa‘īd Jamāluddīn al-Dandarāwī*, Penerbitan TKI, Seremban, 1981, hal. 19

<sup>33</sup> *Ibid*

<sup>34</sup> *Ibid*, hal. 20

<sup>35</sup> *Ibid*

<sup>36</sup> Abū ‘Abd Halīm Ahmad, *Risālah al-Qawāid wā Risālah al-Asās*, Pondok Rasah, Seremban, 1982, hal. 13.

<sup>37</sup> Ibn ‘Ajībah, *Iqāz al-Himām fī Syārī al-Hikam*, Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi, Mesir, 1938, Dar al-Kitab al-‘Arabi, Beirut, 1983 M/1403 H, hal. 81

<sup>38</sup> Lihat perbincangan mengenai al-Mujāhadah dan tingkatannya dalam Bab Kedua hal. 147-154

<sup>39</sup> Abū Qāsim al-Qusyairī, *Risālah al-Qusyairīyyah*, Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir, 1330 H, hal. 48

<sup>40</sup> Ibn ‘Ajibah, *op. cit.*, hal. 287

<sup>41</sup> Sila lihat maksud *haul* dalam bab kedua halaman 131 dan 167 (nota kaki no 81)

<sup>42</sup> Surah Ālī ‘Imrān, ayat 191

<sup>43</sup> Ahmad bin Muhammad Sa‘īd, *Faraīd al-Mā‘thir al-Marwiyyah Lī al-Tarīqah al-Ahmadīyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah*, Sungai Ujung Press, Seremban, t.t., hal. 55

<sup>44</sup> *Ibid*, hal. 17

<sup>45</sup> Temuramah dengan Ust. Fuad Kamāluddīn di rumah beliau di Rembau, Negeri Sembilan, pada November 1997

<sup>46</sup> Ahmad bin Idrīs, *Risālat al-Awād al-Idrisīyyah*, Dar al-Jawami’ al-Kalam, al-Kaherah, t.t., hal. 68

<sup>47</sup> *Ibid*.

<sup>48</sup> Ibn ‘Āta’iLlāh al-Sakandārī, *Hikam*,( syarah) Tok Pulau Manis, Maktabah wa Matbaath, Pulau Pinang, t.t. hal. 8

<sup>49</sup> Sōleḥ al-Jaāfari, *loc. cit.*, hal. 122

<sup>50</sup> *Ibid*, 129

<sup>51</sup> Sila lihat perbincangan tentang salasilah dalam bab pertama, halaman 64-76

<sup>52</sup> Ahmad al-Kamashkhanawī, *Jamī‘ al-Usūl*, Kaherah, t.t., hal. 196

<sup>53</sup> *Ibid*

<sup>54</sup> Ahmad bin Muhammad Sa‘īd, *loc. dit*, hal. 33

<sup>55</sup> Penulis bertanya sendiri kepada beberapa *ikhwān* tarīqah Ahmadīyyah semasa menjalankan penyelidikan pada September 1996. Pada hemat penulis *ikhwān* itu mungkin terkeliru tentang nama

---

Sayyidī Ahmad bin Idrīs r.a. pengasas ḥarīqah Ahmadiyyah dengan Muhammad bin Idrīs al-Syāfiʻī iaitu Imām al-Syāfiʻī r.a.

<sup>56</sup> Ini adalah pembahagian ‘ulamā’-‘ulamā’ ḥarīqah dan ṣufiyyah. Uwaisiyā bermaksud nisbah nama kepada Uwais al-Qarnī salah seorang daripada ṭābi‘īn yang tidak pernah berjumpa dengan Nabi s.a.w. secara *hissiyah*, tetapi Rasulullah pernah menyebutkan kisahnya kepada para sahabat. Para ‘ulamā’ mengatakan Uwais ini menerima dan mendapat *tarbiyyah* secara terus dari Rasulullah dengan jalan kerohanian.

<sup>57</sup> Lihat J.S. Trimingham, *The Sufi Orders In Islam*, Oxford University Press, London, 1971., hal. 12-13. Bandingkan dengan al-Hujwiri, Abū al-Hassan ‘Alī al-Jullabi, *Kasyf al-Mahjūb*, R.A. Nicholson (terj), GMS, London, 1936., hal. 83-84

<sup>58</sup> Ahmad Nuri, *Rudūr ‘Ala Syubhāt al-Salafiyyah*, Matbaah al-Sabah, 1987, hal. 28

<sup>59</sup> Nama lengkapnya ialah Ja‘afar bin Sādiq bin Muhammad al-Bāqir bin ‘Alī Zainal ‘Abidīn bin Hassan bin ‘Alī bin Abi Ṭalib lahir pada tahun 80 H. Wafat pada tahun 148 H, ketika berumur 68 tahun.

<sup>60</sup> *Ibid*, hal. 29

<sup>61</sup> Temuramah dengan Dato Mufti Hj Murtadha Hj Ahmad, di pejabat beliau pada Julai, 1997

<sup>62</sup> Lihat perbincangan tentang masalah ekonomi dan sumber kewangan dalam Bab III hal.255-264.

<sup>63</sup> Temuramah dengan beliau di Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan , September, 1996

<sup>64</sup> Penulis bagaimanapun mengenal pasti beberapa madrasah dan surau atau masjid yang masih menjalankan kegiatan dhikir kumpulan ḥarīqah ini di Negeri Sembilan seperti di Masjid Putih, Batu 8, Labu, Masjid Kg Semabok, Rembau, Surau Ampangan, Seremban, Surau Kg Bemban, Mambau, Masjid Teluk Kemang, Batu 8, Port Dickson dan beberapa tempat lagi.

<sup>65</sup> Ahmad bin Muhammad Sa‘īd, *op. cit.*, hal. 36

<sup>66</sup> Dr Mahmud Saēdon dan Mohd Khalid Ahmad, *loc. cit.* hal. 24

<sup>67</sup> Penulis berkenalan dengan Ust Hashim Ghani pada tahun 1993 semasa penulis melakukan penyelidikan bagi menyiapkan Latihan Ilmiah peringkat Sarjana Muda berhubung dengan kumpulan *Ittiba'* al-Sunnah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang dipimpin oleh beliau sejak tahun 1950. Beliau mempunyai hubungan yang kuat dengan kumpulan *Islah* di Perlis dan Muhammadiyyah di Indonesia.

<sup>68</sup> Lihat perbincangan masalah Kaum Al-Sunnah di Negeri Sembilan ini oleh Md.Yūsop Abd Hamid, *Gerakan Ittiba' As-Sunnah : Satu Kajian Khusus di Daerah Kuala Pilah Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin*, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994

<sup>69</sup> Temuramah dengan Dato Mufti Hj Muradha bin Hj Ahmad di pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, September 1996.

<sup>70</sup> Mahmud Saēdon dan Mohd. Khalil Hj Ahmad, *op. cit.*, hal. 11

<sup>71</sup> Penulis pernah terlibat dalam satu majlis muzakarah bersama-sama dengan beberapa orang yang menolak amalan tasawwuf dan ḥarīqah pada tahun 1998. Dalam majlis tersebut mereka (bukan berlatarbelakang pendidikan agama) telah membawakan tuduhan seperti yang tersebut.

<sup>72</sup> Pengalaman penulis dengan rakan-rakan yang menjadi ahli PAS menjadi bukti bahawa masalah ini wujud. Beberapa orang ahli PAS telah menolak amalan tariqah dan tasawwuf hanya kerana bagi mereka guru-guru tariqah itu tidak jelas dalam fahaman politik mereka. Dalam erti kata lain tidak memberikan sokongan yang jelas dan terbuka kepada pemimpin PAS. Pada hemat penulis tindakan mereka ini tidak ada kena mengena dengan pemimpin PAS kerana tidak ada pendirian khusus dari pemimpin PAS sendiri berhubung perkara ini. Sedangkan jika diteliti dari sudut sejarah penubuhan PAS itu sendiri adalah di ketuai oleh seorang tokoh sufi terkenal iaitu Dr Burhānuddīn al-Helmi, seorang tokoh dalam aliran tariqah al-Naqsyabandiyah. Lihat kata-kata aluan beliau dalam *Seminar Tasawwuf Dan ḥarīqah*, *loc.cit.*

<sup>73</sup> Penulis mendapati beberapa sahaman aliran golongan *salafi* atau *Wahabi* yang dahulunya di kenali sebagai golongan *Kaum Muda* di Malaysia telah meresapi pertubuhan seperti kumpulan *al-Sunnah*, kumpulan *al-Islah*, *al-Ihsan* dan secara individu. Sekalipun pelbagai nama yang digunakan apa yang jelasnya mereka ini menolak amalan-amalan yang ada dalam ilmu *tariqah*.

<sup>74</sup> Temuramah dengan Ust. Fuad Kamaluddin, syaykh *tariqah* Ahmadiyyah al-Ja'afariyyah di rumahnya di Rembau, pada November, 1997.

<sup>75</sup> 'Ali bin 'Uthmān al-Hujwīrī, *Kasf al-Mahjūb*, Jil. 11, hal. 239

<sup>76</sup> Temuramah dengan Dato Mufti Hj Murtadha Hj Ahmad, pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Mei, 1977

<sup>77</sup> Sila lihat sejarah beliau dalam Bab I, hal. 41

<sup>78</sup> Nawāwi Hj Indik, '*Alim 'Ulamā' Negeri Sembilan*', Chang Litha Press, Seremban, 1971, hal. 16.

<sup>79</sup> *Ibid*, hal. 29

<sup>80</sup> Mahmud Saēdon dan Mohd. Khalil Hj Ahmad, *op. cit*, hal. 27

<sup>81</sup> *Ibid*, hal. 100

<sup>82</sup> Lihat Nawāwi Hj Indik, *op. cit*.

<sup>83</sup> Sulaimān bin Ibrahim 'Umar, *Turuq al-Sufiyyah Fi Malayziya, Wa Athāruha 'Ala Da'awāt al-Islāmiyyah Wa al-Mujtami' al-Islāmiyyah*, Risalat al-Majistar, Jami'e al-Azhar al-Syarif, Kaherah, 1996. hal.270.

<sup>84</sup> *Ibid*, hal. 276

<sup>85</sup> Mahmud Saēdon Awang 'Othmān, *op. cit*, hal. 80-81.

<sup>86</sup> *Ibid*, hal. 97

<sup>87</sup> *Ibid*, hal. 89

<sup>88</sup> Lihat penerangan *awrād* *tariqah* Ahmad'iyyah dalam bab kedua.

<sup>89</sup> Masjid di kampung penulis di Kampung Labu, Seremban juga masih kekal dengan kalimah ini yang di gantung dalam *frem* cermin yang sudah agak usang, berhampiran dengan tempat Imām bersolat. Dan penulis amat pasti bahawa Imām di kampung penulis bukanlah seorang pengikut Ahmad'iyyah, tetapi beliau selalu membaca wirid tersebut setiap kali selesai solat.

<sup>90</sup> Kitab yang dimaksudkan ialah *Ta'alīq Di Atas Faedah Pada menyebutkan Kaifiyat Tarāwihi Sepuluh Rakaāt*, Jawi Press, Singapura, 1356 H, sebanyak 21 halaman.

<sup>91</sup> Dato' Mufti Hj Murtadha Hj Ahmad mengaku bahawa beliau pernah menghadapi hal ini. Contohnya semasa beliau menjadi Qādhi di Kuala Pilah, beliau terpaksa berhadapan dengan Tuan Hj Suliaman yang di katakan mengaku sebagai Imām al-Mahdi di Sg. Lui, Kuala Pilah. Beliau terpaksa menenangkan pengikut-pengikutnya yang di katakan bersedia untuk menjadi tentera 'al-Mahdi'. Temuramah pada Jun 1997.

<sup>92</sup> Penulis telah bertemu dengan seorang yang dikatakan 'pemimpin' *tariqah* Syatāriyyah bernama Hj Tahir di Kuala Pilah, pada tahun 1997 dan sempat menemuramah dengan beliau. Penulis dapat terdapat sebuah surau di kawasan rumahnya. Boleh memuatkan kira-kira dua puluh orang. Penulis dimaklumkan, ramai orang berjumpanya untuk mendapatkan doa dan lain-lain tujuan.

<sup>93</sup> Lenggeng dan Beranang ini adalah satu kawasan yang terletak di sempadan daerah Negeri Sembilan /Selangor

---

<sup>94</sup> Pendapat ini diakui oleh beberapa orang *ikhwān* tarīqah Ahmadīyyah semasa sesi temuramah penulis pada Julai 1997 di Kampung Bemban, Rasah, Negeri Sembilan.

<sup>95</sup> Penerangan oleh Tuan Hj Joned bin Jasan, pengikut tariqah Naqsyabandiyah al-Khalidiyyah. beliau adalah murid kepada Syaykh Tajuddin Kg. Babussalam, Langkat , Medan, Indonesia.

<sup>96</sup> Pada tahun 1997, penulis berkesempatan mengunjungi pusat kegiatan tariqah Naqsyabandiyah Qādirun Yahya, di Medan, Indonesia. Penulis dapati organisasi tariqah ini amat lengkap. Mereka mempunyai markas *tarbiyyah* dengan beberapa blok bangunan, pusat pendidikan iaitu Universitas Kadirun Yahya, pusat-pusat perniagaan dan sebagainya termasuklah mempunyai pasukan keselamatannya yang tersendiri. Bagaimanapun Prof. Dr. Qādirun Yahyā ketika itu berada di Pulau Jawa maka penulis berkesempatan menemui wakil-wakilnya sahaja

<sup>97</sup> Antaranya ialah Mejār (B) Hj ‘Abdul Majid dan Tuan Hj. Yahyā.

<sup>98</sup> Lihat biografi mengenai ajaran salah di Malaysia yang diedarkan oleh Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1982 kepada seluruh Jabatan Agama Islam Negeri. Tarīqah Naqsyabandiyah Qādirun Yahyā di senaraikan sebagai ajaran salah pada nombor 26.

## PENUTUP

### Kesimpulan dan Saranan

AlhamduliLlah, penulis amat bersyukur kepada Allah dengan *taufiq* dan hidāyatnya penulisan disertasi ini dapat di selesaikan perbincangannya dengan sebaiknya. Dari keseluruhan penulisan bab-bab dan isi-isi perbincangannya berhubung dengan kegiatan dakwah ḥarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan ini, maka penulis dapat beberapa perkara yang boleh diambil perhatian dari kesimpulan perbincangan yang telah diutarakan. Selain dari itu penulis juga dengan rendah dirinya memberikan beberapa beberapa saranan dan pendapatnya hasil dari penyelidikan dan pemerhatiannya terhadap perjalanan ḥarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan. Antaranya ialah :

Tarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan sebenarnya mempunyai beberapa aliran antaranya hasil dari pemerhatian penyelidikan penulis sendiri. Aliran-aliran itu ialah :

- i. Ahmad iyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah yang dahulunya di bawa oleh Syaykh Hj. Muhammad Sa'īd bin Jamāluddīn al-Linggī. Sekarang ini di bawah pimpinan oleh Syaykh Hj. Murtadha bin Hj. Ahmad juga sebagai Mufti Kerajaan Negeri Sembilan sekarang. Menjalankan kegiatannya di Pondok Rasah, Negeri Sembilan

ii. Ahmad iyyah al-Ja'afariyyah yang berasal daripada Syaykh Ṣoleh al-Ja'afari salah seorang 'ulamā' dan Imam Universiti al-Azhar yang terkenal. Wakil atau *khālifah* daripada kumpulan ḥarīqah Ahmad iyyah al-Ja'afariyyah yang diwakilkan di Malaysia ialah Ustaz Muhammad Fuād bin Hj. Kamāluddin. Beliau dilantik oleh pemimpin ḥarīqah Ahmad iyyah Ja'afariyyah di Mesir yang sekarang dipimpin oleh Syaykh 'Abd Ghāni al-Ja'afariyyah. Kegiatannya buat masa kini dijalankan di Kampung Chenor, Rembau, Negeri Sembilan.

iii. Ahmadīyyah al-Rāsyidiyyah- adalah berasal daripada tariqah Ahmadīyyah juga. Jika kita meneliti secara mendalam tariqah Ahmadīyyah ini mempunyai banyak cabangnya. Namun hasil kajian penulis mendapati bahawa *furu* 'Ahmadīyyah al-Rāsyidiyyah ini adalah berasal daripada Syaykh Ibrāhīm Rāsyidi. Antara muridnya yang di terkenal ialah Tok Shāfiē (w. 1950) atau Muhammad Ṣalleh bin Muhamad Shāfiē bin 'Abd Rahmān. Beliau terkenal sebagai seorang 'ulamā' dan guru sufi yang terkemuka di Mekah ketika itu. Ramai muridnya di Malaysia antaranya dari keluarga Syaykh Hj Muhamad Sād al-Linggi. Selain daripada beliau ialah Tuan Hj Abdullah Sijang. Beliaulah yang sekarang ini masih memimpin kumpulan ḥarīqah Ahmadīyyah al-Rāsyidiyyah berpusat di Batu 8, Port Dickson.

Ketiga-tiga kumpulan ini menjalankan masjlis-majlis dhikir, *haul* dan seperti mana lazimnya. Namun apa yang penulis perhatikan, mereka ini menjalankan aktiviti tersendiri. Maksud penulis ialah apabila diadakan majlis *haul* kumpulan yang di pimpin oleh Syaykh Murtadha, tidak semua jemaah kumpulan lain akan bersama-sama dalam majlis tersebut. Ini adalah di sebabkan majlis *haul* yang diadakan adalah kerana mengingati syaykh-syaykh dan guru-guru dalam kumpulan masing-masing. Oleh yang demikian maka jemaah kumpulan Ahmad iyyah al-Jaafariyyah dan Ahmad iyyah al-Rāsyidiyyah tidak turut serta dalam majlis itu.

Penekanan *tarbiyyah* dan *ta'lim* kepada murid-murid ḥarīqah Ahmad iyyah amatlah penting. Ini bertujuan untuk mengelakkan mereka itu beramal sahaja, tanpa mengetahui kaedah-kaedah, cara-cara menghayati dan hakikat sebenar amalan tersebut. Syaykh ḥarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan nampaknya memberi penekanan tersebut dengan pendekatan dakwah yang baik. Bagaimanapun keazaman, kegigihan dan *istiqāmah* murid dalam hal ini perlulah diambil kira. Syaykh ḥarīqah Ahmad iyyah tidak boleh dipersalahkan sekiranya murid-murid ini tidak dapat mengikuti *manhaj tarbiyyah* yang telah di jalankan.

Pemimpin-pemimpin dalam ḥarīqah juga hendaklah mengemaskinikan perancangan dan juga dakwah ḥarīqah Ahmad iyyah secara *istiqāmah* dan tersusun.

Keadaan umat Islam pada hari ini yang dahagakan ilmu dan asuhan daripada pemimpin-pemimpin agama khususnya guru-guru dalam ḥarīqah Ahmad iyyah amatlah nyata.

*Khalifah-khalifah* dan wakil-wakil Syaykh dalam ḥarīqah Ahmad iyyah juga mestilah berperanan dalam menjalankan aktiviti dakwah Islamiyyah dan menyebarkan kefahaman tentang perjalanan ḥarīqah Ahmad iyyah terutama kepada murid-murid yang baru. Mereka berperanan sebagai pendorong dan menjelaskan kekaburan dalam menghayati amalan taṣawwuf ini. Contoh dan tauladan mereka menjadi perhatian.

Penulis berpendapat usaha-usaha menulis dan menyusun semula karya-karya syaykh-syaykh ḥarīqah Ahmad iyyah yang terdahulu perlu diteruskan. Penulis di maklumkan bahawa terdapat beberapa karya-karya Syaykh Ahmad bin Hj. Muhamad Sa'īd yang masih dalam bentuk penulisan tangan yang belum di terbitkan. Usaha-usaha ini akan memberi manfaat kepada ikhwan ḥarīqah Ahmad iyyah. Jawatankuasa menangani usaha ini perlu diwujudkan segera sebagai satu lagi kegiatan dan aktiviti dakwah dalam kumpulan ḥarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan

Usaha-usaha penterjemahan dan pengajian kitab-kitab *turāth* dalam bidang ilmu taṣawwuf dan juga kitab-kitab tokoh-tokoh ḥarīqah Ahmad iyyah mestilah diteruskan. Penulis mendapati usaha ini telah dilakukan oleh kumpulan ḥarīqah Ahmad iyyah al-

Ja‘afariyah. Antaranya menterjemahkan karangan-karangan Sayyidi Ahmad bin Idris r.a. dan Sayyidi Soleh al-Ja‘afari r.a. Penulis dengan rendah dirinya menyarankan di wujudkan jawatankuasa bahagian Penterjemahan dan Penerbitan (*Qism al-Tarjamah wa al-Nasyr*h) . ( قسم الترجمة والنشر ) Ini adalah memandangkan banyaknya karya-karya tokoh-tokoh ḥarīqah Ahmadīyyah masih tersimpan. Satu kerugian yang besar kepada umat Islam di Malaysia khususnya kepada kumpulan ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan jika tidak digali khazanah ilmu tersebut.

Menyusun kembali kuliah-kuliah yang tetap bagi murid-murid ḥarīqah Ahmadīyyah terutama yang baru menceburkan diri dalam amalan ini supaya mendapat kefahaman yang jelas tentang ilmu tasawwuf. Penulis dapati perkara ini memberi faedah yang amat besar kerana didapati ramai murid-murid dalam ḥarīqah Ahmadīyyah ini terdiri daripada pelajar-pelajar lulusan Timur Tengah dalam bidang agama. Mereka ini boleh mengajar dan menjadi *mu‘allim*, sekaligus membantu pemimpin-pemimpin ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan.

Menganjurkan Seminar-Seminar Taṣawwuf dan ḥarīqah supaya masyarakat mendapat kefahaman yang jelas tentang amalan taṣawwuf. Penulis percaya pembentangan-pembentangan kertas kerja dalam seminar tersebut juga boleh menampilkan ramai tokoh-tokoh ḥarīqah di Malaysia termasuklah di kalangan pemimpin ḥarīqah Ahmadīyyah

sendiri seperti Dato.Mufti Hj.Murtaqha dan lainnya. Murid-murid ḥarīqah Ahmad iyyah juga perlu mengambil bahagian dalam menjalankan kegiatan dakwah secara individu atau kolektif. Ini dapat membantu para syaykh mereka dalam menjalankan kegiatan dakwah kepada umat Islam di Negeri Sembilan.

Mengadakan hubungan dengan syaykh-syaykh ḥarīqah yang lain yang ada di Malaysia. Hubungan ini boleh dieratkan lagi dengan mengadakan kerjasama dalam menyebar luaskan amalan-amalan ḥarīqah. Bentuk kerjasama ini juga dapat menpertahankan amalan ḥarīqah dan taṣawwuf daripada tuduhan-tuduhan liar. Hubungan itu dilihat amat penting untuk mengukuhkan ikatan *silaturrahīm* serta mendapatkan maklumat tentang aliran-aliran ḥarīqah -ḥarīqah ṣufiyyah yang ada.

Kegiatan dakwah dan perkembangan ḥarīqah ini juga boleh di pergiatkan lagi dengan menjemput tokoh-tokoh Ahmad iyyah dari luar. Terutama daripada Mesir, Sudan dan negara-negara Timur Tengah yang lain. Dengan cara mengadakan hubungan langsung dengan mereka, *ukhuwwah* dan *silaturrahīm* sesama Islam dapat di tingkatkan. Penulis dapati perkara seperti ini sudah dilaksanakan oleh syaykh-syaykh ḥarīqah-ḥarīqah ṣufiyyah di Timur Tengah.

Menonjolkan tokoh-tokoh ḥarīqah Ahmadīyyah terutama golongan intelek berkelulusan agama supaya menjadi barisan yang terkehadapan dalam kegiatan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah. Ini kerana golongan yang berpendidikan agama ini mudah mendapat kepercayaan daripada masyarakat Islam.

Menghidupkan pusat-pusat kegiatan ḥarīqah atau markas *tarbiyyah* Ahmadīyyah dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti agama dan majlis-majlis sambutan perayaan Islam. Seperti menyambut perayaan *Maulīd al-Rasūl*, *Awal Muharram*, *Isrā' dan Mi'rāj*, *Nisfu Sya'bān*, *Nuzūl al-Qurān*, dan lainnya. Dengan cara ini, hubungan *silaturrahīm* akan kembali dan bertambah kukuh antara *ikhwān* khususnya di Negeri Sembilan..

Seperti yang telah penulis nyatakan dalam perbincangan yang lalu, '*uzlah* dan *khalwat* dalam ḥarīqah Ahmadīyyah ini bukan satu perkara yang di titik beratkan. Berbeza dengan ajaran tariqah Naqsyabandiyah, *khalwat*, '*uzlah* atau bersuluk menjadi satu keutamaan kepada muridnya. Menurut amalan tariqah Naqsyabandiyah amalan bersuluk adalah penting untuk peningkatan kerohanian para murid. Namun begitu kaedah '*uzlah* atau *khalwat* dalam ḥarīqah Ahmadīyyah adalah berbeza. Mereka melakukan *khalwat* secara bersendirian atau di rumah atau di tempat tertentu sebagaimana yang diarahkan oleh guru-guru mereka.

Apa yang penulis pasti, tidak ada rumah sulūk atau rumah *khalwat* yang khusus untuk ikhwān ḥarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan. Bagaimanapun penulis dapati Ustaz Fūad Hj. Kamāluddīn dari kumpulan Ahmad iyyah al-Ja‘afariyyah mempunyai bilik ‘uzlah atau *khalwatnya* di Madrasah Kampung Chenor, Rembau, Negeri Sembilan. Begitu juga dengan Tuan Guru Hj. Dāud Bukit Abal melakukan ‘uzlah atau *khalwat* dalam bilik khas di suraunya. Penulis amat yakin pemimpin -pemimpin dalam tariqah Ahmad iyyah sentiasa melakukan ‘uzlah atau *khalwat* kerana amalan ini adalah antara yang penting dalam perjalanan ilmu tasawwuf dan ḥarīqah.

Akhirnya penulis berdoa semoga perjalanan dakwah ḥarīqah-ḥarīqah sufīyyah di Malaysia dan di Negeri Sembilan khasnya, akan mencapai matlamat. Seruan dakwah Islamiyyah yang di bawa oleh mereka ini adalah penerusan usaha dakwah Nabi s.a.w. melalui titisan para ‘ulamā’-‘ulamā’nya dari dahulu hingga sekarang. *Wallāhu a‘lam*